


Jilid I  
Bil. 57



Hari Rabu  
5hb November, 1975

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEEMPAT  
*Fourth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

### KANDUNGANNYA

#### PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Lantikan Ketua Pembangkang—Y.B. Tuan Lim Kit Siang [Ruangan 6521]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 6521]

#### USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan  
Mesyuarat [Ruangan 6549]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
[Ruangan 6550]

#### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan  
Penceraihan) [Ruangan 6550]

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT**

*Penyata Rasmi Parliment*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

---

Hari Rabu, 5hb November, 1975

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADIR:**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- " Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- " Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- " Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, A.D.K. (Kota Setar).
- " Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- " Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- " Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- " Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- " TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- " TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- " TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- " TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- " TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- " PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- " TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- " TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- " TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- " TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- " TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- " TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- " TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- " PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- " TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- " TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- " TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- " TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

Yang Berhormat TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

- ” DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- ” TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- ” DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- ” TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- ” TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- ” TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- ” TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- ” DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- ” TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- ” DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- ” TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- ” TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- ” TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M., (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- ” RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- ” TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- ” TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K (Tawau).
- ” TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

Yang Berhormat TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

- " TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- " TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- " TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- " DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- " TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- " DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- " TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- " TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- " TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- " WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- " TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- " TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- " PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- " DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- " TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- " TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- " TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- " TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- " DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- " TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- " WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N, P.J.K. (Sungai Petani).
- " TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- " TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

#### YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N. S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

- " Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).

- " Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ DATUK ENGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K., (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

**YANG HADIR BERSAMA:**

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat)

## PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

### LANTIKAN KETUA PEMBANGKANG— Y.B. TUAN LIM KIT SIANG

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah saya memaklumkan iaitu saya telah menerima pada hari semalam, 4hb November, 1975 sepuak surat daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat dari sebahagian besar Parti Pembangkang yang menyatakan bahawa seramai 18 orang Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat dari Parti Pembangkang telah bersetuju atas pemilihan dan perlantikan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli bagi Kota Melaka, sebagai Ketua Pembangkang selama tempoh setahun mulai 4hb November, 1975. Oleh kerana kebanyakannya daripada Ahli-ahli Pembangkang dalam Dewan Rakyat menyokong cadangan ini, maka saya mengiktirafkan dengan rasmi-nya bahawa Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang sebagai Ketua Pembangkang (*Tepuk*).

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### TARAF HIDUP BUMIPUTRA

**1. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah** bertanya kepada Perdana Menteri, apakah rancangan Kerajaan untuk membaiki taraf hidup Bumiputra di luar dan dalam bandar.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan bukan untuk kaum Bumiputra sahaja tetapi untuk semua rakyat Malaysia tidak kira asal keturunan mereka. Perkara ini telahpun dihuraikan dengan panjang lebar dalam Rancangan Malaysia Kedua dan juga dalam Kajian Pertengahan—Penggal rancangan itu dalam tahun 1973. Meninggikan taraf hidup rakyat bergantung pada asasnya di atas peluang-peluang pekerjaan yang cukup serta usaha menambah daya-pengetahuan rakyat terutama yang tinggal di luar bandar. Dari segi ini, perhatian berat telah

diberi kepada mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang lebih luas melalui rancangan kemajuan tanah dan juga pembangunan perindustrian. Langkah-langkah positif juga dijalankan untuk menambah pendapatan penanam padi, penoreh getah dan nelayan di samping mengadakan latihan untuk belia-belia. Walaupun kemajuan telah dicapai dalam beberapa bidang, masih banyak lagi yang patut dilakukan untuk menambah pendapatan rakyat yang tidak berada, terutamanya bumiputra. Kerajaan sentiasa menyedari hakikat ini, dan oleh kerana itu dalam Rancangan Malaysia Ketiga perhatian yang lebih berat akan ditumpukan kepada langkah-langkah membasmikan kemiskinan dan pembahagian yang lebih adil lagi di kalangan rakyat.

### PERUMAHAN RAKYAT

**2. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan :

- (a) apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini dalam usaha membantu orang-orang miskin di negara ini memiliki rumah sejak pengumuman beliau tentang Strateji Perumahan baru untuk rakyat; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa Tabung Pusingan (Revolving Fund) sebanyak \$10 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan untuk membina rumah-rumah bagi orang-orang miskin adalah tidak mencukupi dan samada beliau akan menimbang menambahkan jumlah ini supaya boleh mendapatkan hasil yang lebih bermakna.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah meminta Kerajaan Negeri mengkaji semula approach terhadap soal perumahan serta membaiki jentera pembangunan negeri masing-masing bagi menemui keperluan perumahan rakyat. Kerajaan Negeri telahpun mengambil inisiatif menyediakan lebih banyak tanah untuk tapak kediaman teratur (sites and infrastructure) dan meningkatkan aktiviti di bidang perumahan awam harga murah untuk rakyat.

Saya telah berusaha mendapatkan kerjasama daripada Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan (Housing Developers) untuk melaksanakan projek perumahan awam yang

murah di Wilayah Persekutuan yang akan dimulakan tidak lama lagi. Persatuan ini ber-setuju menjadi agent Kerajaan untuk mendirikan rumah-rumah itu. Begitu juga, UDA sedang berusaha memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% daripada rumah-rumah dalam projek perumahan yang diusahakan oleh Perbadanan itu untuk memenuhi keperluan rakyat yang berpendapatan kecil.

Seperti yang saya telah terangkan, peruntukan wang \$10 juta untuk Tabung Pusingan (Revolving Fund) bagi membina rumah-rumah rakyat adalah peruntukan permulaan sahaja. Ini akan ditambah sekiranya perlu apabila keadaan kewangan mengizinkan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri samada Kerajaan puas hati dengan kerjasama yang diberi oleh pemaju-pemaju perumahan di dalam hal mendirikan rumah-rumah awam yang murah untuk rakyat dan jika tidak, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, pemaju-pemaju ini baru sahaja bersetuju hendak memberi kerjasama. Kita belum tahu samada puas hati atau tidak tetapi menurut persetujuan diberi kepada saya, saya fikir cara yang akan dilaksanakan itu akan memuaskan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam jawapannya telah menyatakan bahawa beliau telah memberi directive kepada Kerajaan Negeri masing-masing untuk mengambil inisiatif tentang perumahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adakah beliau sedar di Wilayah Persekutuan suatu tempat di bawah pemerintahan Kerajaan Pusat ada kekurangan perumahan untuk orang miskin, dan jika beliau sedar apakah tindakan Kerajaan Pusat akan ambil supaya kita boleh mengurangkan bukan menghapuskan kemauan perumahan untuk orang miskin di Wilayah Persekutuan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya bukan menjadi Wakil Rakyat Wilayah Persekutuan, saya fikir saya lebih tahu daripada Ahli Yang Berhormat lagi akan adanya kekurangan rumah di Wilayah Persekutuan ini untuk orang-orang

miskin. Sebab itu, saya telah menerangkan tadi Kerajaan telah melaksanakan rancangan untuk mendirikan rumah murah dengan kerjasama daripada Housing Developers. Kita bercadang hendak memulakan dengan mendirikan 10,000 unit tetapi kita tahu lebih banyak lagi daripada ini dikehendaki, sebab penganggur-penganggur atau setinggan-setinggan sahaja yang kita tahu ada lebih kurang 40,000 kelamin yang berkehendakkan rumah di Wilayah Persekutuan ini.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga di dalam jawapannya ada menyentuh tentang \$10 juta revolving fund dan beliau juga menyatakan wang ini boleh ditambahkan jika perlu dan jika Kerajaan Pusat mempunyai wang. Apa yang saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah bukan sahaja Kerajaan Pusat sedar, tetapi rakyat di seluruh Malaysia semua sedar \$10 juta sebagai revolving fund itu tidak mencukupi langsung dan di dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga adakah peruntukan untuk menambah wang ini kepada revolving fund ini?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Itu tidak payah dijawab, tunggu bila sampai kepada membincangkan Rancangan Lima Tahun Yang Ketiga.

#### **MENTERI/TIMBALAN MENTERI/ PEGAWAI KANAN KERAJAAN MENGHADIRI PEMBUKAAN RASMI SWASTA**

**3. Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan adakah patut untuk Menteri-menteri, atau Timbalan-timbalan mereka, atau Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan menghadiri pembukaan-pembukaan rasmi atau majlis besar pihak swasta atau syarikat-syarikat umum. Tidakkah kehadiran-kehadiran seperti ini menyebabkan spekulasi-spekulasi umum bahawa Pegawai Kanan Kerajaan yang berkenaan ada persetujuan rapat dan luar biasa dengan firma-firma atau syarikat-syarikat ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tiada apa salahnya Menteri-menteri atau Timbalan-timbalan Menteri ataupun Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan menghadiri pembukaan-pembukaan rasmi atau majlis-majlis yang diadakan oleh pihak

swasta atau syarikat-syarikat yang bekerjasama melaksanakan dasar negara terutama di bidang perindustrian.

Kehadiran mereka ini bolehlah dianggapkan sebagai galakan dan perangsang kepada syarikat-syarikat itu dalam melaksanakan dasar-dasar negara khasnya Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

### **PELABURAN SYARIKAT KERJASAMA ANGKATAN TENTERA**

**4. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim** minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau sedar pelaburan daripada wang Syarikat Kerjasama Angkatan Tentera yang dijalankan oleh Kerajaan tidak memberi kesan dan tidak menguntungkan ahli-ahlinya dan samada beliau bercadang membuat pelaburan yang menguntungkan di mana ahli-ahlinya boleh mengambil bahagian secara langsung.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, pelaburan wang sesebuah Syarikat Kerjasama adalah tanggungjawab sebuah Jawatankuasa Pengurus yang dilantik oleh ahli-ahli syarikat itu. Pelaburan wang ini adalah dilakukan mengikut undang-undang kecil Syarikat Kerjasama tersebut. Jelaslah bahawa pihak Kerajaan tidaklah campur tangan di dalam perkara ini selain daripada menentukan bahawa Syarikat Kerjasama itu berjalan mengikut undang-undang yang ada.

Saya rasa soalan Ahli Yang Berhormat ini adalah ditujukan kepada Syarikat Bekerjasama Pinjam-meminjam dan Penanaman Modal Angkatan Tentera Malaysia Berhad. Walaupun syarikat ini bukanlah di bawah pentadbiran Kementerian, tetapi saya telah dimaklumkan bahawa syarikat ini telah dijalankan dengan sempurna walaupun aktivitinya adalah dihadkan oleh undang-undang kecil, 1967 kepada melaburkan wang dalam syarikat-syarikat dan memberi pinjaman dengan faedah yang rendah kepada ahli-ahli, bagi mendirikan rumah, membeli tanah, naik haji dan sebagainya. Pada tahun 1974 syarikat ini telah mendapat keuntungan sebanyak \$327,414 dan mengeluarkan dividen berjumlah \$203,529 kepada ahli-ahlinya.

Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa dari 1hb November, 1975 undang-undang kecil lama syarikat ini

akan dibatalkan dan digantikan dengan undang-undang kecil yang baru dengan dipersetujui oleh ahli dalam satu mesyuarat agong yang diadakan baru-baru ini.

Undang-undang kecil yang baru ini akan meluaskan lagi bidang usaha dan faedah yang dapat diberikan oleh syarikat ini. Mengikut undang-undang baru ini syarikat boleh meminjam dan menjalankan aktiviti pengilangan, memproses, mengangkut dan memasar hasil-hasil, membuka tanah untuk ladang dan perusahaan pertanian, dan pembinaan rumah di samping aktiviti yang dijalankan sekarang ini.

Pelaburan-pelaburan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pengurus adalah terlebih dahulu dihantar kepada Jabatan Koperatif untuk dipersetujukan.

**Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri samada syarikat ini juga akan diberi peluang untuk mengambil alih perniagaan N.A.A.F.I.?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini belum ada cadangan lagi.

### **MENYAMAKAN WAKTU SEMENANJUNG DENGAN SABAH/SARAWAK**

**5. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah** bertanya kepada Perdana Menteri samada Kerajaan bercadang menyamakan waktu antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, kerana berlainan waktu ini menimbulkan banyak kerumitan jika ya, bilakah cadangan itu akan dilaksanakan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidaklah perlu menyamakan waktu sembahyang Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak kerana amalan yang berjalan sekarang ini adalah memuaskan.

### **SURUHANJAYA GAJI DI RAJA IBRAHIM ALI**

**6. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan keadaan ekonomi negara pada masa ini dan memandangkan usaha kita

bagi mengimbangi taraf hidup rakyat terutama rakyat di luar bandar, samada Kerajaan bercadang menangguhan semua tuntutan kenaikan gaji dari pekerja-pekerja dan kesatuan-kesatuan Sekerja Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkunun Kerajaan serta Separuh Kerajaan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telahpun saya jelaskan dalam jawapan saya kepada soal mengenai Suruhanjaya Gaji Di Raja Ibrahim Ali. Seperti yang saya katakan baru-baru ini Kerajaan akan sentiasa memerhatikan kepentingan kakitangannya dan menjamin keadaan bekerja yang berpatutan kepada mereka. Kakitangan Kerajaan mestilah bekerja dengan taat dan dedikasi. Begitu juga Kerajaan akan memperhebatkan lagi usaha mengimbangkan taraf hidup rakyat di luar bandar.

#### PORTUGIS TIMUR—PASUKAN PENGAMAN EMPAT NEGARA

7. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada persetujuan Kerajaan untuk menyertai pasukan pengaman empat negara bagi memulihkan keamanan di Portugis Timur sesungguhnya mendatangkan natijah baik bagi Malaysia yang sekarang ini menghadapi masaalah-masaalah baik di dalam negeri, mau pun yang berkaitan dengan negara-negara jiran. Jika ya, nyatakan kedudukan sekarang, bilakah pasukan kita akan pergi dan samada pasukan-pasukan keselamatan kita akan juga terlibat nanti.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, apabila pererangan saudara meletus di Portugis Timur, Indonesia dan Portugal telahpun bercadang menubuhkan satu Pihak Berkuasa Bersama terdiri dari empat buah negara untuk memulihkan keamanan dan mengendalikan proses dikolonialisasi yang berdasarkan prinsip menentukan nasib sendiri bagi rakyat di tanah jajahan Portugis tersebut. Di atas permintaan Kerajaan Indonesia, Kerajaan Malaysia telah ber-setuju untuk menjadikan anggota Pihak Berkuasa Bersama tersebut di samping Portugal, Indonesia dan Australia. Persetujuan kita itu telahpun berdasarkan kepada kepercayaan bahawa pererangan yang berterusan di Portugis Timur akan

menjeaskan keamanan dan kesetabilan rantau ini. Memandangkan keadaan dan sebagai menyambut undangan dari sebuah negara sahabat secara langsung terjejas oleh pergolakan di Portugis Timur, kita telah ber-setuju menyertai pihak Berkuasa Bersama itu untuk memberikan sumbangan yang positif kepada pengkalan keamanan dan kesetabilan serantau.

Kedudukan Pihak Berkuasa Bersama yang dicadangkan itu masih belum pasti. Bagi kita Kerajaan Portugal masih bertanggungjawab di atas tanah jajahan di Portugis Timur itu dan adalah wajar baginya untuk mempastikan melalui perundingan dengan Kerajaan Indonesia samada hendak menubuhkan Pihak Berkuasa Bersama itu atau tidak. Sungguhpun begitu, persetujuan kita untuk menyertai pertubuhan tersebut masih tetap ada.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan adakah Kerajaan Malaysia akan mengambil inisiatif supaya negara-negara ASEAN boleh campurtangan untuk menyelesaikan masaalah yang timbul di Portugis Timur.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini Indonesia sahaja patut mengambil inisiatif, negara lain tidaklah wajar kerana Indonesia adalah sebuah negara yang terjejas dalam perkara ini. Walau bagaimanapun, kita rasa terpulanglah kepada pihak Indonesia yang berunding dalam perkara ini dengan pihak berkuasa Portugis pada masa sekarang ini untuk menyelesaikan masaalah ini.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah cadangan untuk menjadikan Malaysia sebagai salah satu anggota ASEAN untuk menyelesaikan masaalah Portugis Timur ini masih berjalan sekarang setelah berlaku pertempuran sama sendiri di sana sebagaimana yang kita dengar sekarang ini, dan yang kedua apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan pergi ke Indonesia tidak berapa lama lagi akan melibatkan hal ini bagi mengadakan perundingan dengan Presiden Suharto dari Indonesia.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan yang kedua itu lain dari soalan asas, soalan yang pertama, sila Menteri Luar Negeri menjawab.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang boleh kita buat, saya rasa kalau boleh memberikan kebaikan, pihak Malaysia sedia memberikan kerjasama untuk menyelesaikan masaalah ini.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jika tidak salah saya Yang Berhormat Menteri dalam jawapannya tadi telah menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia akan memberikan sumbangan yang aktif. Bolehkah Menteri yang berkenaan menerangkan apakah sumbangan aktif Malaysia terhadap masaalah ini?

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata sumbangan yang aktif, saya kata cadangan ini masih belum lagi pasti. Jadi, apakah pasti perlulah dibincangkan dengan lebih lanjut apakah kerjasama yang patut diadakan di antara pihak yang berkuasa bersama yang dicadangkan itu.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri berkenaan tadi beliau juga menyatakan tiga negara iaitu Indonesia, Malaysia dan Australia dijemput campurtangan untuk menyelesaikan masaalah ini. Adakah Menteri berkenaan sedar Kerajaan Australia telah menyatakan bahawa Kerajaan itu tidak bersetuju menghantar tentera ke Portugis Timur untuk menyelesaikan masaalah ini. Jadi apakah sikap yang akan diambil oleh Kerajaan kita, jika Kerajaan sedar atas perkara ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Siapa yang sedar, siapa yang tak sedar?

**Dr Tan Chee Khoon:** Menteri yang berkenaan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sedar atau tidak sedar.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar.

#### SUBVERSIF—LARANGAN MASUK SINGAPURA

**8. Raja Nasron bin Raja Ishak** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sikap serta tindakan Kementerian beliau terhadap 10 orang Warganegara Malaysia yang berikut Lee Geok Suan, Chin Ah Lan, Chin Teck Ing, Soh Ah Lak, Chee Mee Choo, Dan Ek,

Lim Moi Kui, Wong Hon Siak, Lin Lan Chin dan Chew Tien Swee yang didapati salah oleh Kerajaan Singapura kerana kegiatan subversif mereka dan dibuang negeri ke Semenanjung Malaysia serta dilarang masuk ke Singapura; apakah dasar Kementerian pada keseluruhannya masa menghadapi masaalah ini.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, 8 orang daripada mereka telah dikenakan Perintah Tahanan dan dua orang lagi Perintah Kediaman Terhad. Dua orang yang berkenaan ialah:

- (i) Chee Mee Choo.
- (ii) Chiew Tien Swee.

#### RAPAT UMUM PARTI POLITIK—PENGHARAMAN

**9. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab Kerajaan mengharamkan parti-parti politik di Semenanjung Malaysia dari mengadakan rapat-rapat umum tetapi Kerajaan membenarkan parti USNO dan BERJAYA mengadakan rapat-rapat umum di negeri Sabah.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, semua parti-parti politik di Malaysia adalah diharamkan mengadakan rapat-rapat umum demi menjaga ketenteraman awam, melainkan semasa pilihanraya atau dalam kawasan pilihanraya-kecil yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri berkenaan sedar bahawa selepas penubuhan BERJAYA pada 15hb Julai, 1975 di Kota Kinabalu BERJAYA dan juga USNO di Sabah telah mengadakan beberapa rapat umum di Sabah. Kalau sedar, bolehkah Yang Berhormat Menteri jelaskan bahawa apakah sebab kedua parti politik ini iaitu USNO dan BERJAYA telah dibenarkan mengadakan rapat umum di Sabah?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang terjadi di Sabah pada waktu itu iaitu majlis penerangan atau dialog, yang dikatakan rapat umum itu pada pendapat kami di sini tidak ada.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa USNO dan BERJAYA telah mengadakan dialog bukan rapat umum. Bolehkah Menteri yang berkenaan jelaskan bahawa kalau seseorang mengadakan dialog dengan maksud untuk mengadakan perjumpaan dengan orang ramai, penganjurnya itu tidak perlu meminta kebenaran atau lesen daripada Polis.

**Tan Sri Hajji Muhammad Ghazali Shafie:** Kebenaran itu diizinkan untuk mengadakan majlis penerangan atau dialog bukan rapat umum iaitu di satu tempat atau bangunan dan kebanyakannya kepada ahli-ahli parti sahaja.

#### PERLAWANAN TINJU MUHAMMAD ALI-JOE FRAZIER

**10. Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin** minta Menteri Penerangan menyatakan mengapa penyiaran pertandingan tinju dunia di antara Muhammad Ali dan Joe Frazier menerusi Talivision Malaysia dibatalkan dan mengapa pembatalan tersebut diberitahu dengan mengejut tanpa pemberitahu yang menasabah.

**Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, perlawanan tinju antara Muhammad Ali dan Joe Frazier berlangsung di Manila pada 1hb Oktober, 1975. TV Malaysia telah membuat tempahan Satelit dengan COMSAT menerusi Jabatan Talikom pada 16hb September, 1975. Pada tengah hari 30hb September, RTM telah diberitahu oleh Jabatan Talikom pihak COMSAT tidak boleh menyiaran video signal 625 line menerusi satelit Lautan Hindi kerana saluran tersebut terpaksa digunakan untuk pengiriman signal 525 line. (satelit kita di Kuantan hanya dapat memerlukan dari Indian Ocean sahaja). RTM dengan kerjasama Jabatan Talikom telah berusaha sedaya-upaya membuat peraturan-peraturan lain untuk mengatasi masaalah yang telah dikemukakan secara cemas oleh COMSAT. Tetapi hingga petang 30hb September, nyatalah tidak ada lain jalan dan siaran langsung itu terpaksa dibatalkan.

Memandangkan kesulitan "last-minute" itu yang tidak pernah berlaku maka RTM dengan serta-merta menghubungi TV di Hongkong (yang mempunyai alat untuk

memadankan siaran dari line 525 kepada line 625 untuk mendapatkan video tape rakaman perlawanan tersebut. Seorang pegawai telah dikehalkan dengan kapal terbang ke Hongkong untuk mendapatkan video tape tersebut. Sementara itu, pengumuman-pengumuman telah dibuat dengan seluas-luasnya menerusi Radio dan TV untuk memberitahu penuntun-penuntun tentang pembatalan yang tidak boleh dilakukan ini. Pita atau video tape dari Hongkong itu tiba di Lapangan terbang Subang pada pukul 8.30 malam hari perlawanan itu dan telah disiarkan pada pukul 10.35 malam itu juga. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil berat atas masaalah ini dan dari peristiwa ini bolehlah saya ibaratkan berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tidak mengetahui lebih awal bahawa Manila akan menyiaran menerusi line 525?

**Datuk Shariff Ahmad:** Tidak, kita hanya diberitahu pada 30 haribulan September, 1975.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang hendak mengadakan line 525 bagi TV Malaysia?

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, ini panjang ceritanya. Fasal sistem kita ini line 625. Line 525 itu sistem Amerika. Jadi, kalau kita hendak tukar ke situ kita tentulah kena tukar seluruh sistem kita, tetapi ada kemungkinan kita boleh beli converter untuk menukar daripada line 625 kepada 525, begitulah yang di Hongkong.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan bercadang hendak memperalatkan converter tertentu supaya TV kita boleh menukar apabila diperlukan?

**Datuk Shariff Ahmad:** Saya telah cuba kemukakan cadangan itu dan mereka telah memikirkan dari segi perbelanjaan.

## JALANRAYA DI KAWASAN MAJLIS TEMPATAN DAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU—AMBILALIH

**11. Tuan Loh Fook Yen** minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau mempunyai rancangan untuk mengambilalih semua jalan-jalan di kawasan-kawasan Majlis Tempatan dan Kampung-kampung Baru.

**Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mempunyai sebarang rancangan hendak mengambilalih jalan di kawasan Majlis Tempatan dan Kampung-kampung Baru yang mana adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, saya suka cita memaklumkan bahawa jika jalan-jalan yang berkenaan itu dibina mengikut standard yang diakui oleh Majlis Kewangan Kebangsaan Kerajaan Negeri berkenaan layak mendapat geran tahunan dari Kerajaan Persekutuan untuk penyelegaraan (maintenance) jalan-jalan tersebut.

## KEKACAUAN DI PULAU TIMUR—SIKAP MALAYSIA

**12. Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap Malaysia terhadap kekacauan yang sedang berlaku di Pulau Timur di bawah pemerintahan Portugis.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, kekacauan yang sedang berlaku di wilayah Timur Portugis pada masa ini adalah satu pergolakan di dalam negeri yang seharusnya diselesaikan oleh Portugal sendiri sebagai pihak berkuasa yang sebenarnya di wilayah tersebut. Malaysia masih lagi mengiktirafkan kuasa pihak Portugal di Portugis Timur dan dengan ini kita berpendapat bahawa Portugal adalah patut bertanggungjawab ke atas hal ehwal tanah jajahan dan ianya haruslah melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan sempurna dan seberapa segera.

Malaysia memandang berat akan kesan-kesan yang mungkin akan timbul dari perkembangan-perkembangan di Portugis Timur itu ke atas keamanan dan keselamatan negara-negara berdekatan dengan wilayah tersebut, terutama sekali Indonesia. Dengan

itu, Malaysia berharap pihak Portugal akan merundingkan hal ini dengan pihak Indonesia untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah ini. Dari segi ini kita mengalukan perundingan di antara Menteri-menteri Luar Negeri dari kedua-dua negara tersebut di Rome pada masa sekarang ini.

## PERUMAHAN BAGI PEKERJA ESTET

**13. Tuan S. Samy Vellu** minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan bilangan sekim-sekim yang telah dicadangkan dan dilaksanakan mengikut syor-syor Pasukan Petugas (Task Force) yang telah ditubuhkan dengan tujuan untuk mencari jalan-jalan bagaimana hendak menolong pekerja-pekerja estet supaya memiliki rumah-rumah sendiri dan juga sila nyatakan :

- (a) di mana projek-projek ini telah dijalankan;
- (b) bilangan projek-projek yang sedang diusahakan; dan
- (c) bila projek-projek ini dimulakan.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa perbincangan sedang dijalankan dengan persatuan atau estet-estet yang berkenaan bersama-sama dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat untuk melaksanakan sekim-sekim perumahan supaya pekerja-pekerja estet dapat memiliki rumah-rumah sendiri.

Mengenai soalan-soalan (a), (b) dan (c), saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa ini belum ditentukan dengan pasti kerana tapak projek-projek akan melibatkan penyerahan tanah oleh estet-estet yang berkenaan.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan menyatakan bilakah runtungan itu dapat diselesaikan?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah dapat pastikan, kerana sebagaimana yang diketahui oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri

dalam jawapannya dalam soalan yang kedua tadi ada menyentuh mengenai peruntukan \$10 juta, maka sebahagian daripada peruntukan itu akan dijadikan modal pusingan bagi rancangan ini.

### **BARANG-BARANG KEPERLUAN— KENAIKAN HARGA**

**14. Puan Chow Poh Kheng** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah selanjutnya yang telah dijalankan untuk menyekat kenaikan harga barang-barang keperluan.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengambil beberapa langkah untuk menyekat kenaikan harga barang-barang keperluan dan langkah-langkah tersebut telah sering-kali dijelaskan di Dewan ini. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sukalah saya menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil itu, iaitu:

- (i) Mewajibkan peniaga-peniaga di peringkat pengilang, pengimpor, pemborong dan peruncit mempamirkan harga barang-barang di peringkat masing-masing. Dengan ini pengguna dapat mengetahui perbezaan harga borong dan runcit dan peniaga-peniaga dapat dihalang daripada menjual dengan sesuka hati.
- (ii) Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian sentiasa menjalankan periksaan mengejut di kedai-kedai di seluruh negara untuk menjamin supaya bekalan mencukupi dan barang-barang dijual dengan harga yang berpatutan.

Dan juga bagi setengah-setengah barang-barang keperluan, Kerajaan telah menetapkan harganya dari segi pentadbiran dan peniaga-peniaga dikehendaki terlebih dahulu mendapat kelulusan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sebelum menaikkan harga barang-barang tersebut.

Langkah-langkah selanjutnya yang telah diambil oleh Kementerian ialah mewartakan 21 jenis barang-barang keperluan sebagai barang-barang kawalan bagi tempoh 7hb September, 1975 hingga 28hb Februari, 1976

iaitu pada musim-musim perayaan. Dengan perisytiharan tersebut, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah dapat mengawasi keadaan bekalan di dalam negeri pada masa hari perayaan dan dengan secara tidak langsung telah dapat mengawasi harga barang-barang tersebut.

Mengikut laporan yang diterima, dengan adanya kawalan ini harga barang-barang penting yang diperlukan sangat pada masa hari perayaan adalah nampaknya terkawal pada masa-masa tersebut.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dengan adanya usaha menyekat kenaikan harga barang ini bukan sahaja harga barang itu naik tetapi bekalannya langsung hilang daripada pasaran. Saya beri contoh di kawasan saya ataupun di Trengganu pada saat sekarang ini di tiga daerah, iaitu di Kemaman, Dungun dan Marang, minyak tanah tidak ada didapati, khasnya di kampung pendalam. Mengikut apa yang saya dapat tahu ini disebabkan oleh kawalan dikenakan, jadi peniaga-peniaga yang besar itu menyurok minyak tanah itu. Adakah Yang Berhormat Menteri itu sedar dan apaakah tindakan selanjutnya diambil?

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar adanya hakikat kenyataan semacam ini dalam mana kalau sekiranya harga barang-barang keperluan, umpamanya, minyak gas dikawali dan ditetapkan dengan harga yang tertentu, lebih-lebih lagi pula kalau harga itu sudah tentu menyebabkan pihak-pihak yang menjualnya mengalami kerugian, saya tidak boleh nafikan bahawa ada bukti kenyataan menunjukkan barang-barang ini kadang-kadang payah didapati. Sebagai langkahnya kita adalah mengadakan berbagai-bagai peraturan, terutamanya berkenaan dengan kekurangan minyak gas yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kita telah menyiasat dengan mendalamnya sebab-sebab kenapa bekalan minyak gas ini berkurangan di setengah-setengah tempat. Kita juga adalah sentiasa berhubung dengan pihak-pihak pengeluar minyak supaya kita bersama-sama dengan mereka dapat mengatasi masalah-masalah ini.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang hendak

menghantar satu yunit khas ataupun pasukan-pasukan khas bagi mengatasi masalah ini dengan serta-merta kerana keadaan sekarang, berita semacam ini ataupun kejadian semacam ini memang sedang berlaku dengan rancaknya.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat tidak perlu kita mengadakan satu yunit khas untuk dikehjarkan kepada tempat-tempat di mana ada lapuran-lapuran yang kekurangan bekalan minyak. Kita sentiasa ada mempunyai pasukan yang menjalankan kerja tanggungjawab menguatkuasakan peraturan-peraturan undang-undang dan ahli-ahli pasukan ini sentiasa dikehjarkan ke mana-mana sahaja kawasan yang kita dapatkan lapuran kekurangan minyak gas, tetapi malangnya kami mendapat lapuran bahawa biasanya ada setengah-setengah peniaga secara runcit yang tidak menyampaikan lapurannya yang cepat kepada kita di atas kekurangan dari segi perbekalan. Jadi, ini sudah tentu menyebabkan kita mengambil masa 3-4 hari untuk mengejarkan bekalan kepada tempat-tempat yang tertentu.

#### JALANRAYA TELUK SENA KE CHANGKAT LADA

**15. Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa sebatang jalanraya yang dibina dalam tahun 1965 sejauh lebih kurang 9 batu dari Teluk Sena (Parit) melalui Kampung Pasir Kubu, Kampung Pasir Garam, Kampung Pulau Tiga Kiri, Kampung Masjid, Kampung Kuala Parit, Kampung Pasir Puteh, Kampung Selat Pulau ke Changkat Lada patut dibaiki dan disapu tar.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, jalanraya sepanjang 8.84 batu yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah jalanraya Kerajaan Negeri di mana dibina di bawah Rancangan Luar Bandar. Kerja-kerja memperelok dan mengetar semula jalan tersebut adalah bergantung kepada keutaman dan kemampuan Kerajaan Negeri Perak. Jika Ahli Yang Berhormat berminat dalam perkara ini, bolehlah mengemukakannya kepada Majlis Tindakan Negeri Perak untuk pertimbangan.

#### TAHANAN POLITIK

**16. Tuan Embong bin Yahya** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada benar bahawa baru-baru ini 10 orang tahanan politik telah dihantar balik ke Semenanjung Malaysia oleh Kerajaan Singapura kerana dituduh bersalah menjalankan aktiviti Malayan National Liberation Front di Singapura dan dilarang masuk ke Singapura;
- (b) adakah mereka ini rakyat Malaysia; dan
- (c) apakah tindakan Kerajaan ke atas mereka setelah dihantar balik ke negara ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengatakan bahawa soalan ini sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan sudahpun dijawab.

**Tuan Embong bin Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Menteri yang berkenaan itu menerangkan lebih lanjut sedikit, adakah sebenarnya orang-orang yang dipulangkan itu menjalankan aktiviti Malayan National Liberation Front ataupun satu helah yang lain ataupun ada aktiviti yang lain. Dan adakah mereka ini disiasat dalam segi keselamatan kita pula.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Di dalam pertanyaan, Standing Orders tidak membenarkan kita mengsyaki sesebuah negara jiran.

#### MALAYSIANISATION DI SEKTOR PELADANG

**17. Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar tentang ujudnya perasaan tidak puas hati yang meluas di kalangan pekerja-pekerja ladang tempatan akibat dari rancangan "Malaysianisation" di dalam sektor peladang oleh kerana banyak jawatan-jawatan tinggi masih lagi dipegang oleh pedagang-pedagang; jika sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementeriannya untuk membetulkan kepincangan sedemikian.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa ada ujudnya perasaan tidak puashati yang berleluasa di kalangan pekerja-pekerja ladang tempatan akibat dari rancangan "Malaysianisation" di dalam sektor peladang, oleh kerana banyak jawatan-jawatan tinggi masih lagi dipegang oleh pegawai-pegawai asing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang berkenaan pada 1-1-1966, bilangan pegawai-pegawai dagang dalam Perusahaan Ladang ialah seramai 845 dan bilangan pegawai-pegawai dagang pada 31-12-1974 ialah seramai 300 orang. Ini bermakna bahawa dalam tempoh tersebut Perusahaan Ladang telah mewarganegarakan sebanyak 545 jawatan yang dahulunya dipegang oleh pegawai-pegawai dagang.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen yang berkenaan telah menyatakan seramai 545 jawatan tinggi sekarang telah dipegang oleh rakyat Malaysia. Adakah Kementeriannya mencadangkan supaya 300 jawatan tinggi ini yang dipegang oleh orang asing boleh dikurangkan supaya rakyat Malaysia boleh diberi peluang untuk memegang jawatan tinggi di ladang masing-masing di tanahair kita?

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, ini sedang dijalankan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar perkara ini bukannya timbul sekarang sahaja di Dewan Rakyat tetapi telah ditimbulkan boleh dikatakan 10 tahun dahulu. Oleh sebab itu bolehkah Setiausaha Parlimen yang berkenaan menjelaskan bahawa bilakah Kerajaan atau Kementeriannya akan mengurangkan 300 jawatan ini yang dipegang oleh orang asing?

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi, saya telah menerangkan bahawa pada tahun 1966 jumlah jawatan ialah 845 tetapi pada 1974 akhirnya jawatan-jawatan yang dipegang oleh pegawai-pegawai dagang ialah 300 orang. Ini menunjukkan bahawa Kementerian

pada tiap-tiap tahun mengurangkan jawatan-jawatan yang dipegang oleh pegawai-pegawai dagang dan proses ini akan dijalankan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar kita ada graduan-graduan daripada Universiti Malaya mahupun daripada Universiti Pertanian yang lulus di dalam bidang pertanian dan mereka semua layak kalau diberi peluang untuk memegang jawatan ini dan mereka yang lulus daripada kedua-dua universiti ini bukan satu dua bagi satu tahun, tetapi pada pendapat saya pada masa sekarang 100 graduan lebih tiap-tiap tahun. Kalau sekiranya mereka tidak ada peluang untuk memegang jawatan tinggi seperti yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen tadi sebanyak 300 jawatan, di manakah mereka boleh mencari kerja dan apakah gunanya mereka lulus di dalam bidang pertanian daripada universiti kita?

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain.

#### PEMBINAAN BATAS DI SUNGAI GOLOK

**18. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail** minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada beliau sedar bahawa :

- (a) Kerajaan Thailand pada masa ini membina batas di sepanjang tebing Sungai Golok untuk mengelakkan banjir dari memasuki negeri mereka;
- (b) pembinaan batas tersebut telah menyebabkan banjir yang besar di Daerah Pasir Mas; dan
- (c) sejak pembinaan batas itu, bandar Rantau Panjang juga selalu ditenggelami air. Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan mengenai perkara ini.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar tentang pembinaan batas di Sungai Golok oleh Kerajaan Thailand.

Walau bagaimanapun, saya sedar tentang masalah banjir di kawasan Rantau Panjang dan Pasir Mas. Perkara ini sedang dikaji dan

langkah-langkah untuk mengelakkan banjir ini akan diambil dengan seberapa segera.

### PORUGIS TIMUR DALAM ASEAN

**19. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Malaysia membangkitkan issue Portugis Timur dalam ASEAN, jika tidak, mengapa. Apakah sikap Malaysia terhadap situasi di Portugis Timur.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak ada membangkitkan soal Portugis Timur dalam ASEAN kerana kita berpendapat tidak kena pada tempatnya.

Malaysia sememangnya bimbang akan perkembangan di Portugis Timur itu terutama memikirkan hal itu mungkin membawa kesan-kesan buruk kepada keselamatan negara-negara tetangga terutamanya Indonesia. Kita menganggap bahawa negara Portugallah yang bertanggungjawab bagi menyelesaikan masalah Portugis Timur itu. Tetapi bagaimanapun di dalam melaksanakan tanggungjawab itu pihak Portugal hendaklah memberikan perhatian serta membangun dengan saksama kepentingan-kepentingan dan perasaan pihak Indonesia. Kita berpendapat amatlah perlu bagi Kerajaan Portugal merundingkan masalah Portugis Timur itu dengan Kerajaan Indonesia.

Baharu-baharu ini kita mendengar bahawa Kerajaan Portugal telahpun berunding sekali lagi dengan Kerajaan Indoesia untuk mencari penyelesaian di Portugis Timur itu. Malaysia mengalu-alukan perkembangan ini dengan berharap supaya sesuatu yang positif serta memenuhi kepentingan semua pihak dapat dihasilkan daripada perundingan itu.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa adakah Malaysia melalui diplomatic channel berhubung dengan Indonesia tentang perkara ini, atau adakah Malaysia berhubung dengan Dr Santos apabila beliau melawat Canberra pada awal bulan September supaya kita boleh cuba menolong menyelesaikan masalah ini di Portugis Timur.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Dr Santos tadi pada fikiran saya tidaklah perlu.

Sebagaimana yang saya telah terangkan tadi di dalam jawapan yang pertama, apakah hendak mengadakan persetujuan cadangan untuk pihak kuasa bersama tadi tentulah perhubungan antara Indonesia dengan Malaysia mengikut diplomatic channel.

### PENYAKIT MATA

**20. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebabnya wabak sakit mata merebak dengan begitu luas di Malaysia khasnya dalam bulan Ogos dan September tahun ini. Adakah penyakit ini merebak berpunca dari kerana kekotoran alam sekeling atau kekurangan kebersihan rakyat di kampung-kampung dan bandar-bandar.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar):** Ada didapati kejadian wabak penyakit mata di negara kita pada masa lalu. Pada tahun ini, satu kejadian yang serupa telah berlaku terutamanya dalam bulan Ogos dan September.

Sebab sebenar wabak ini berlaku tidaklah diketahui tetapi mungkin disebabkan cyclical pattern kerana perbezaan paras rintangan (resistance) kepada "infection" dengan virus ini boleh tahan sekurang-kurangnya 3 tahun.

Tidak dapat dinafikan bahawa sesuatu wabak itu berlaku kerana kita kurang menjaga kebersihan. Penyakit ini nampaknya merebak lebih cepat bila orang ramai berkumpul di pejabat-pejabat, panggung wayang, sekolah dan taman-taman hiburan. Barangkali, habuk dalam alam sekitar boleh menjadi satu faktor yang memudahkan kejadian penyakit ini kerana ia menyakitkan mata. Penyakit ini boleh merebak secara hubungan langsung, persentuhan dengan benda-benda kepunyaan orang yang dijangkiti penyakit, menerusi udara dan air terutama sekali di kolam-kolam mandi. Maklumat-maklumat yang lebih lanjut saya telah beri di dalam Dewan yang mulia ini pada menjawab soal Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan pada 30hb Oktober, 1975.

**Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada keterangan-keterangan yang diberi

oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, adakah beliau sedar bahawa beliau ini saolah-olah sebagai seorang penasihat kesihatan dalam Dewan ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tidak payah dijawab.

### PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

**21. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah bagi perkara-perkara berikut:

- (a) Baki pinjaman Kerajaan Persekutuan jumlah kepada tiap-tiap Negeri bagi berbagai pinjaman mengikut kenyataan berakhir 31-12-74;
- (b) Bantuan Kerajaan Persekutuan di bawah Bantuan Jalanraya bagi tiap-tiap Negeri dalam tahun-tahun 1974 dan 1975;
- (c) Bantuan Kerajaan Pusat di bawah Bantuan Kiraan Kepala kepada tiap-tiap Negeri termasuk Pengguna Tempatan dalam tahun 1974 dan 1975; dan
- (d) Bantuan-bantuan tersebut di atas yang diberi kepada Wilayah Persekutuan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Cheng Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan jawapan yang mengandungi beberapa banyak angka-angka yang boleh dijadualkan. Jika angka-angka ini diberi secara lisan, saya khuatir ini bukan sahaja mengambil masa yang panjang tetapi saya khuatir samada Ahli Yang Berhormat dapat mengikuti jawapan itu sebenarnya. Oleh yang demikian, jika Ahli Yang Berhormat itu bersetuju, saya akan kemukakan jawapan ini secara bertulis memberi angka-angka tersebut secara detail dalam satu jadual.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju. (*Ketawa*).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Itu tidak payah bangun (*Ketawa*). Kalau ada soalan tambahan sahaja baharu bangun.

### REPUBLIK RAKYAT CHINA, KOREA UTARA/VIETNAM UTARA— LARANGAN MELAWAT

**22. Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa orang-orang Malaysia dilarang pergi ke Republik Rakyat China, Korea Utara, dan Vietnam Utara sedangkan negeri-negeri ini mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, tidak benar kalau Ahli Yang Berhormat itu mengatakan Kerajaan tidak membentarkan warganegara Malaysia melawat negara-negara tersebut. Contohnya, pada tahun 1974 sahaja terdapat 6,144 orang warganegara Malaysia melawat Republik Rakyat China dan setakat bulan Ogos tahun ini sudah 4,338 orang telah pergi melawat ke sana.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Hendak pergi melawat pula?

**Dr Tan Chee Khoon:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar, pada tahun 1972 dan 1974 Persatuan Perubatan Malaysia telah dibenarkan oleh Menteri yang berkenaan pada masa itu, iaitu Allahyarham Tun Dr Ismail, melawat Republik Rakyat China. Tetapi malangnya, pada tahun 1974 apabila Menteri yang bertanggungjawab sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Persatuan Perubatan Malaysia telah tidak dibenarkan menghantar rombongan ke Republik Rakyat China. Bolehkah beliau memberi keterangan tentang sebab-sebab lawatan itu tidak dibenarkan?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham batch yang mana yang tidak dibenarkan kerana banyak . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Persatuan Perubatan Malaysia.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan saya ialah . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Panjang sangat soalan itu. Cuba pendek sahaja.

**Dr Tan Chee Khoon:** Pendek sahaja.

Soalan saya ialah pada tahun 1972 dan 1973 rombongan daripada Persatuan Perubatan Malaysia telah dibenarkan melawat ke Republik Rakyat China, tetapi malangnya, pada tahun 1974 Persatuan Perubatan Malaysia tidak dibenarkan menghantar rombongan ke Republik Rakyat China.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, kita pelik mengapa banyak lagi hendak pergi, negeri lain tidak pergi.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Di sana ada banyak ilmu-ilmu memanjangkan umur.

#### **ORANG TIDAK MEMPUNYAI NEGARA (STATELESS PERSONS)**

**23. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan Malaysia telah mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil Republik Rakyat China di China atau di Malaysia ataupun di negara yang lain mengenai kedudukan 200,000—300,000 orang yang tidak mempunyai negara (stateless persons) di Malaysia dari keturunan China; jika ya, beri butir-butir lanjut dan hasil perbincangan-perbincangan tersebut; jika tidak, nyatakan mengapa perbincangan tidak diadakan kerana kedua-dua negara ini telah bersetuju untuk meneruskan perbincangan perkara ini selepas pertukaran duta-duta diadakan.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan Malaysia masih belum mengadakan sebarang perbincangan dengan Kerajaan Republik Rakyat China mengenai masalah tersebut. Masaalah kedudukan orang-orang tidak mempunyai negara (stateless persons) di Malaysia dari keturunan China akan dibincangkan oleh kedua-dua Kerajaan apabila masanya sesuai kelak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menarangkan sedikit erti masa yang sesuai?

**Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tengoklah, Tuan Yang di-Pertua, apabila sesuai itu sesualah (*Ketawa*).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ini sesuai bagi pihak Yang Berhormat Menteri.

#### **PEKERJAAN KEPADA SISWAZAH TAIWAN/NANYANG**

**24. Puan Chow Poh Kheng** minta Perdana Menteri menyatakan sejak Kerajaan membuat keputusan untuk memberikan penghargaan kepada siswazah-siswazah Taiwan dan Nanyang apakah langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan untuk memberi pekerjaan kepada siswazah-siswazah yang tersebut, dan dalam jabatan-jabatan mana dan berapa bilangan mereka yang telah diberi pekerjaan.

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad):** Kerajaan telahpun mengambil langkah untuk memberi peluang pekerjaan kepada siswazah-siswazah Taiwan dan Nanyang Universiti berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

Sesuai dengan dasar itu, siswazah-siswazah perubatan dari Taiwan telahpun diterima memasuki Perkhidmatan Perubatan dengan diberi pendaftaran bersyarat di mana mereka dikehendaki menjalani dua tahun perkhidmatan di bawah kawalan dan selepas tempoh itu mereka diberi pengiktirafan penuh sekiranya mereka lulus ujian yang diadakan oleh Majlis Perubatan Malaysia.

Begitu juga dengan siswazah pergigian dari Taiwan yang diperakukan oleh Kementerian Kesihatan sebagai kelayakan yang diluluskan di mana mereka dikehendaki menjalani dua tahun perkhidmatan sebagai Pegawai Pergigian dalam latihan dan selepas tempoh tersebut sekiranya mereka lulus ujian penilaian yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan, mereka akan dilantik secara tetap.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah juga mengambil siswazah-siswazah dari Nanyang dan Taiwan untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Pelajaran khususnya bagi mengajar matapelajaran Sains dan Ilmu Hisab.

Bilangan siswazah kedoktoran dari Taiwan yang dilantik berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan hingga sekarang berjumlah 75 orang, manakala bilangan siswazah pergigian dari Taiwan yang dilantik sebagai Pegawai Pergigian berjumlah 18 orang. Bilangan guru-guru siswazah dari Nanyang dan Taiwan yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran sejak awal tahun 1974 berjumlah 25 orang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan hendak membuat satu pengiktirafan (recognition) yang umum kepada ke semua kategori-kategori siswazah Taiwan dan Nanyang yang dapat taraf antarabangsa?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Itu soalan lain.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri berkenaan dalam jawapannya telah memberi angka-angka siswazah-siswazah Kedoktoran dan Pergigian yang telah diambil oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Adakah beliau sedar siswazah-siswazah di dalam bidang pertanian daripada Taiwan, kelayakannya atau mutunya pun tinggi. Adakah siswazah di dalam bidang pertanian juga telah diambil untuk berkhidmat ke dalam Perkhidmatan Awam di tanahair kita?

**Datuk Abdullah Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong sabar, ada satu soalan mengenai perkara itu selepas ini.

#### JURUTERA DARIPADA UNIVERSITI NANYANG/TAIWAN

**25. Puan Chow Poh Kheng** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan telah cuba mengambil bekerja jurutera-jurutera yang terdiri dari siswazah-siswazah Universiti Nanyang dan Taiwan, sebelum mengambil siswazah-siswazah yang lain untuk bekerja.

**Datuk Abdullah Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum lagi mengiktiraf kelayakan-kelayakan kejuruteraan daripada Universiti-universiti Nanyang dan Taiwan pada masa ini. Walau bagaimanapun, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi nilai (value) terhadap kelayakan-kelayakan yang tidak diiktiraf seperti mana yang diterangkan di dalam jawapan mulut kepada pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

#### PERBUATAN RASUAH

**26. Dr Tan Chee Khoon** minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) samada beliau sedar korupsi di tanahair kita makin lama makin bertambah;

(b) langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mencegah korupsi; dan

(c) samada beliau sedar tentang seruan oleh Ketua Pengarah Biro Siasatan Negara di Johor supaya rakyat mencaci korupsi.

**Datuk Abdullah Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Saya tidak menafikan ada perbuatan rasuah di tanahair kita. Tetapi perkara ini tidak boleh dikatakan rampant. Begitu juga perbuatan ini tidak dapat dihapuskan selagi ada pihak yang mahu memberinya.

(b) Kerajaan telahpun mengambil berbagai-bagai langkah melalui B.S.N. untuk mencegah perbuatan rasuah seperti mengadakan pemeriksaan mengejut di Jabatan-jabatan Kerajaan yang dijalankan oleh B.S.N., khasnya di Jabatan-jabatan yang banyak berdamming dengan rakyat dalam urusan sehari-hari. B.S.N. juga mengadakan kursus melalui syarahan-syarahan untuk kakitangan dan Pegawai-pegawai Kerajaan.

Dari bulan Januari 1975 hingga September 1975 sebanyak 120 syarahan telah dibuat oleh B.S.N. yang dihadiri oleh pegawai-pegawai Kerajaan dari semua peringkat berjumlah 5,046 orang.

(c) Saya sedar tentang seruan Ketua Pengarah Biro Siasatan Negara Johor supaya rakyat mencaci korupsi.

Langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak B.S.N. sahaja tidak memadai untuk mengatasi masalah rasuah (corruption). Rakyat sendiri hendaklah juga memainkan peranan mereka dengan memberikan maklumat dan sanggup pula tampil ke hadapan sebagai saksi-saksi di mahkamah-mahkamah.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan jelaskan bahawa seruan yang dibuat oleh Ketua Pengarah B.S.N. telah mendapat persetujuan daripada Kerajaan Pusat, dan jika ya, apakah langkah Kerajaan Pusat akan mengambil dengan B.S.N. supaya kita boleh menyeru rakyat mencaci korupsi di tanahair kita.

**Datuk Abdullah Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, seruan yang dibuat oleh Ketua B.S.N. itu tidak bercanggah dengan dasar Kerajaan. Seperti yang saya kata tadi, usaha-usaha sedang dijalankan oleh Ketua Pengarah B.S.N. melalui syarahan-syarahan di merata-rata tempat di seluruh negara supaya rakyat dan pegawai-pegawai Kerajaan mencaci dan membenci corruption.

### SIARAN SECARA LANGSUNG PER-SIDANGAN DEWAN RAKYAT

**27. Tuan Edmund Langgu anak Saga** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang menyiaran secara langsung persidangan Dewan Rakyat menerusi Talivisyen Malaysia.

**Datuk Abdullah Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidaklah perlu menyiaran secara langsung Persidangan Dewan Rakyat menerusi Talivisyen. Lapuran khas mengenai Persidangan Parlimen atau Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara adalah disiarkan melalui Radio dan TV dalam bentuk lapuran Parlimen dan ini saya fikir adalah cukup memadai buat setakat ini.

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan :

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, apabila tamat mesyuarat hari ini, Dewan hendaklah ditangguhkan hingga pukul 3.15 petang hari esok, Khamis, 6hb November, 1975.

**Datuk Haji Mustapa bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, apabila tamat mesyuarat hari ini, Dewan hendaklah ditangguhkan hingga pukul 3.15 petang hari esok, Khamis, 6hb November, 1975.

### RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

#### RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan, 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG MEM-BAHARUI UNDANG-UNDANG (PER-KAHWINAN DAN PENCERAIAN), 1975

##### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (4hb November, 1975).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ditangguhkan petang semalam, Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara sedang berucap, mengemukakan Rang Undang-undang ini dan sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri menyambung ucapannya.

*Perbahasan disambung semula.*

3.38 ptg.

**Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana juga semalam, saya harap Tuan Yang di-Pertua memberi keizinan kepada saya berucap selain daripada Bahasa Kebangsaan ada kalanya di dalam bahasa Inggeris.

Pada hari semalam saya telah menerangkan Clause 3 yang mana saya menyatakan iaitu Rang Undang-undang ini adalah tertakluk kepada semua penduduk-penduduk Malaysia melainkan orang yang berugama Islam dan orang-orang yang berkahwin di bawah

Undang-undang Islam dan saya berjanji menerangkan mengapa juga undang-undang ini boleh dipakai di negeri Sabah dan Sarawak tetapi dikecualikan daripada bumi-putra di negeri Sabah dan Sarawak.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the Royal Commission did not recommend any amendments to the prevailing Marriage and Divorce Laws of Sarawak and Sabah because these States have their own peculiar local geographical difficulties and administration problems and the question of the practicality of applying this new law to them has to be examined. The natives in the States have their own family laws and tribal customs; they are very complex and varying and the Royal Commission did not propose to interfere with their tribal customs. According to the Chairman of the Royal Commission, he felt that the existing laws in Sabah and Sarawak have not proved in any way inadequate to the needs of the people there and when the need for change arises in the future the proposed Bill when enacted, he said, should it then be desired by the natives of the Borneo States, could be extended to them. Several non-native members of the Bar Association in Sabah and Sarawak and representatives of the State Governments also gave their views to the Select Committee of which I was then the Chairman. The Committee received strong requests especially from the non-natives for the law to be extended to them. Although these States, i.e. Sabah and Sarawak, have laws for compulsory registration of all customary marriages, laws for civil and Christian marriages, representatives from these States requested that the benefits of the new law as envisaged in the Bill should be extended to them, especially to the non-natives. Their laws are not in any way superior to the laws found in Peninsular Malaysia. They likewise need reforms. They all welcome the concept of monogamy and the new provision in the divorce laws. The Select Committee also received strong requests for the law to be extended to the natives of these States who are Christians though they appreciated that there should not be any interference with the native customs and usage. But it was pointed out, Sir, to the Committee in Sabah and Sarawak that natives may consist of:

- (i) natives who are Muslims;
- (ii) natives who are Christians;

- (iii) natives who are pagans or ancestor worshippers;
- (iv) natives who profess religion other than Islam or Christianity; and
- (v) natives who are urbanised and who wish to contract monogamous marriages.

They urged that natives who are Christians and who desire to contract monogamous marriages be provided with an option enabling them to enjoy the benefits of the provisions in the reform law and to renounce their right to contract a marriage under native customs. The Select Committee, Mr Speaker, Sir, agreed that this Bill should allow for its extension to Borneo States after obtaining the agreement of the Governments of these States for the benefits of the non-natives in Sabah and Sarawak. The Governments of these States could make their own legislation in respect of the natives.

Mr Speaker, Sir, I now come to Clause 4. Under Clause 4, a subsisting valid marriage, whatever its character, will be deemed to be registered under this Act.

Clause 5 makes any marriage on or after the appointed date to be monogamous and requires such marriage to be solemnised as provided in Part III of the Bill. A marriage in contravention of Clause 5 will be void and will be punishable for bigamy under the Penal Code. It means, Mr Speaker, Sir, that before the coming into force of this Bill, i.e. when this Bill becomes law, there is still time for those who want to have more than one wife—a very short time indeed.

Part III deals with the solemnisation of marriage. Only a Registrar is authorised to solemnise a marriage. The term "Registrar" includes an Assistant Registrar and Superintendent Registrar.

Under Clause 10, the minimum age for marriage is 18 years for both sexes, but a female may get married on completing her sixteenth year after getting a licence from the Chief Minister. As I have explained before, the "Chief Minister" means here the Menteri Besar or Chief Minister of a State.

Clause 11 sets out the prohibited degrees of matrimonial relationships except that a Hindu is given the right to marry his sister's daughter (niece) or her month's brother (uncle) according to Hindu law or custom.

We have been informed that there are not many more people following this custom here. But the Hindus have still asked that this provision should remain there because they felt that there may be some who still wish to marry their nieces or their uncles. Despite this prohibition, even others may apply to the Chief Minister for a licence to marry within the prohibited degrees under the law, religion, custom or usage of the parties concerned.

A person above the age of 21 can marry without any consent. A person below the age of 21 wanting to get married is required to get the consent of his father or, if the father is dead, the consent of his mother or, if both the parents are dead, the consent of a person who stands in place of the parents. If the consent is unreasonably withheld or not possible to be obtained, the Court is empowered to give the consent on application.

Clauses 13 to 21 deal with the preliminaries to marriage, which are normal provisions.

Clauses 22 to 26 deal with the solemnisation of marriages. Unlike the original Bill, Clause 22 (1) (c) enables a marriage to be solemnised in a church or a temple or at any other place and at a time permitted by the religion, custom or usage of the parties to the marriage. Here we were considering a number of problems among some religions or customs where people prefer to marry sometimes at night and sometimes according to their calculation at 4.00 o'clock in the morning as they consider it the best time. In view of this, we have provided this clause here. If we just permit a marriage to take place, say, within 8.00 o'clock in the morning and 4.00 o'clock in the afternoon, then people may find some difficulties, especially the Hindus because they have to study auspicious times of the year where it is good for marriages.

Clause 24 makes a major change to the corresponding provision in the original Bill submitted by the Royal Commission. It does not require strict compliance with the civil marriage ceremony before the religious ceremony is solemnised. It recognises the validity of a religious ceremony so long as the clergyman, minister or priest, provided he is appointed as Assistant Registrar, receives the Statutory declaration required

under Clause 22 (3) and reminds the parties of the oath required under Clause 23. It means that the priest, after marrying a couple according to their religion or custom or usage, should remind the couple that this is a monogamous marriage and if either of them were to marry during the existence of the marriage, then they commit bigamy. This will simplify the civil aspect of the ceremony in the rural areas and generally decentralise the burden of the Registrar. Sir, I shall give an example here. A Hindu couple in Ulu Kelantan wants to get married. If we follow the original recommendation of the Royal Commission, then they have to perform two marriages: first they have to marry in Ulu Kelantan in a temple according to the Hindu rites and then both of them have to go to Kota Bharu to appear before the Registrar and go through the civil marriage proceedings for registration. You can just imagine the difficulties of these poor people who live far away from the big towns. Under this present law, they can perform such a marriage in any of the village temples anywhere in the country. For the purpose of solemnisation of a marriage, "the priest of a temple" includes any member of a committee of management or governing body of that temple and any committee member of any religious association. Some of the Honourable Members may ask why this is so. There may be a very learned priest in a temple, but he cannot read or write, for example; but he is required to register the marriage, to get the witnesses to sign the document and if he cannot read or write, then we will have difficulties. In that case, they may provide for the Chairman of the management committee, For example, to be the Assistant Registrar.

Clauses 27 to 34 deal with the registration of marriages. Clause 28 (3) empowers the Minister to appoint any person to be Assistant Registrar in respect of any race, clan, association, church or temple for a marriage district. Recommendation or nomination of names will have to be made by the respective bodies or institutions for appointment as Assistant Registrars by the Minister. The Minister may by notification in the *Gazette* declare any area in a State and the Federal Territory to be a marriage district and define its boundaries.

Clauses 35 to 46, Sir, of Part V touch upon penalties and miscellaneous provisions. Clause 41 provides that if a person, contrary to the Act, purports to solemnise a marriage he will be liable on conviction to imprisonment for a term not exceeding three years and a fine not exceeding \$5,000.

Clauses 47 to 75 of Part VI touch upon divorce, judicial separation and nullity.

Clause 50 enables a divorce petition to be filed after the expiration of two years from the marriage date. The original Bill of the Royal Commission had stipulated three years. Some representation was received to make it after one year. In some countries it is after one year but in certain other countries it is after three years. So we took the middle course and we say after the expiration of two years of the marriage. We think, Sir, the period of two years is fairly good, neither too long nor too short for a newly married couple to find out whether to go on with the marriage or to end it.

Clause 51 is a new provision. Where a spouse has converted to Islam—one of them, it is very rare as I said earlier—the other party may on this ground file a divorce petition after the expiration of three months. For this the two year period specified in clause 50 will not be applicable. Sir, I would give an example of a family where both the husband and wife are not Muslims. They have two children. The husband, decided to become a Muslim and tried persuade the wife too to become a Muslim. But despite his persuasion, she refused. Now he, for example, becomes a Muslim and under Muslim law he is divorced from his wife (if I am not mistaken), but the wife has contracted the marriage and the marriage still subsists. Now how can she marry again if she won't get a divorce? She may be guilty of bigamy. So we give three months period because sometimes we feel that during the three months the husband may persuade the wife to become a Muslim. So after three months, if nothing happens, and the wife wants a divorce then she can apply to the Court that she wants to divorce her husband who has become a Muslim to enable her to marry again.

A significant new feature is dissolution of marriage by mutual consent. Here, too, the parties will have to wait for two years after the marriage before resorting to this remedy.

The rationale of this provision, Sir, is that where a couple mutually agree that it is in their best interests that their marriage should be dissolved, they should be allowed to do so quietly without recrimination and unnecessary publicity. In granting this remedy the court's power is discretionary and it will have to be satisfied that the parties had freely agreed to this remedy and consent of one party was not obtained by fraud or by force.

Clause 53 introduces the new doctrine of "irretrievable break down" of marriage to enable either party to petition for divorce. The facts and circumstances leading to irretrievable break down are set out in Clause 54. Some of the concepts are new and are a notable departure from the grounds in the present law. For instance, Sir, the petitioner has to show that the respondent has committed adultery and the petitioner "finds it intolerable to live with the respondent". In this case, say, the husband may have committed adultery five times, but if every time the wife excuses him and finds the husband still good to her, they can go on. That shows mere adultery is not a ground for divorce. But there may be a case of one adultery only, and after that the wife finds that it is intolerable to live with that husband—I won't explain it to you. In that case, that one adultery is enough. This means adultery by itself, Sir, may not be a ground but in addition it will have to be shown that living with the respondent has become intolerable.

The wellknown ground of "cruelty" has been replaced by a broader ground of "behaviour" which would include cruelty, among others—originally only cruelty but now we include behaviour. There are aspects of behaviour which may not be cruel but still intolerable. The petitioner has to show that the respondent has behaved in such a way that the petitioner cannot reasonably be expected to live with the respondent. The other circumstances of irretrievable break down are that the respondent has deserted for a period of two years or that the parties to a marriage have lived apart for a period of two years immediately prior to the presentation of the petition.

Clauses 76 to 86 of Part VII touch upon matters incidental to matrimonial proceedings and maintenance of spouse.

Clause 76 (1), Sir, enables the court in granting a decree of divorce or judicial separation to order the division of matrimonial assets acquired during the marriage by the joint efforts of the spouses (husband and wife) or by the sole effort of one party, i.e. by the wife only or by the husband only. If the assets are acquired by their joint efforts the court will have regard to the contributions made by each party in money, property or work towards the acquiring of the assets, any debts owed by either party which were contracted for their joint benefit and the needs of the minor children; and subject to those considerations the court will incline towards equality of division. Where the assets are acquired by the sole effort of one party, Sir—say, the husband only; the wife is not working, she looks after the children in the house—the court will have regard to the extent of the contributions made by the other party who did not acquire the assets to the welfare of the family by looking after the home or caring for the family and the needs of the children, if any, and subject to these considerations the court may divide the assets in such proportions as it thinks reasonable and just. The court will consider how much is the contribution of a wife in looking after the comfort of the husband, the house and the children while the husband is busy making money and when they separate the court will give a reasonable proportion, a just proportion, to the wife for such work. This is very revolutionary. I am sure the wanita (women) of our country would be very happy to hear it, but not the men.

Clauses 87 to 103 of Part VIII deal with the protection of children and other reliefs. Clause 95 provides for the custody or maintenance of a child up to 18 years and where a child suffers physical or mental disability, until the ceasing of such disability.

Clauses 104 to 109 touch upon miscellaneous matters. A notable provision that invites attention is clause 106. Before a person files a divorce petition, he is required to refer his matrimonial difficulty to a conciliatory body and that body has to certify that it has failed to reconcile the parties. In certain circumstances, however, this certificate will not be necessary. Where the parties agree on a conciliatory body, their matrimonial difficulty will be referred to the

body acceptable to them; if not it will be referred to a marriage tribunal for the area in which the parties reside or live.

A conciliatory body means a council set up for conciliation; a marriage tribunal or any other body approved by the Minister. A marriage tribunal will be set up for such specified area or district as the Minister may decide.

A conciliatory body is required to resolve a matrimonial difficulty within six months from the date of reference. If it is not able to do so, it shall issue a certificate to that effect and append to its certificate such recommendations as it thinks fit regarding maintenance, divisions of matrimonial property and the custody of children, if any. Only with the leave of the conciliatory body can an advocate or solicitor appear for any party but not otherwise.

Sir, even if we pass this Bill in this sitting, as has been stated in the Bill, it will come into force on a certain date which we call the “appointed date”. I feel that even if we pass this Bill now, it may take fairly a long period—I do not know how long and it may take three or six months—before we can bring it into force for many reasons, Sir, viz:

- (1) We have to make rules. A number of rules have to be made as required under this Bill.
- (2) I presume that half of the population of this country will be governed by this new Marriage Law throughout Malaysia—if not the whole of Malaysia, at least the Peninsular Malaysia itself—and a new Department has to be set up, and so many Registrars have to be appointed. We have to interview and find suitable officers for all these posts. We do not know, how much money has to be spent on this.

When everything is ready, the area for each marriage district has to be determined and then only can we bring this law into force. I do not know, how long it will take—may be three months, six months or a year. It all depends on the ability of the Ministry, whichever Ministry that is looking after this matter, to set up a Department to find experienced staff and the money and to put up the necessary rules. In the meantime, Sir, I would

like to tell all the Honourable Members, as I said earlier, that laws are not perfect and it took us five years to put up this law. It is one of the most difficult laws and it is a very revolutionary one indeed and it is historical. Whatever the views and comments of this House may be, we cannot now amend the Bill in this House, but we may amend it at a later stage before it comes into force or after it has come into force. As we go along, we will try and endeavour to improve whatever is written in this Bill.

This Bill is drafted only by this Committee. What we put into this Bill as law represents really the wishes of the people who are not Muslims of this country and we took as much care as possible, the middle course, to be fair and just to all of them. I hope, Sir, that every Honourable Member will contribute his views to this very, very interesting Bill.

Sir, I beg to move.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.06 ptg.

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar (Panti):** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang di hadapan Dewan pada masa ini ialah satu Rang Undang-undang yang amat penting sebab Rang Undang-undang inilah yang akan menyusun dan mengawal pertumbuhan masyarakat dan individu-individu dalam masyarakat tanahair kita. Dari itu, pada pandangan saya Rang Undang-undang ini adalah satu Rang Undang-undang yang amat penting kerana Rang Undang-undang ini setelah dijadikan satu Akta kelak dialah yang akan menyusun kehidupan dalam rumah-tangga dan hubungan antara suami-isteri dan daripada hubungan individu-individu atau perseorangan ini akan tersusunlah kelak satu bangsa dan sebuah negara.

Saya sebagai seorang Muslim ingin membincangkan Rang Undang-undang ini dari segi pandangan Ugama Islam tetapi bukan sebagai seorang Muslim yang fanatik dan ta'asub, tetapi hanya sebagai seorang Muslim yang cuba hendak memperkenalkan satu peraturan menyusun kehidupan dan perhubungan antara manusia dengan manusia untuk memperbaiki masyarakat (human beings) dalam negara kita ini dan dunia seluruhnya.

Sebelum saya pergi terus membincangkan isi kandungan Bill atau Rang Undang-undang ini, saya kurang senang sedikit mendengar sepatah dua ulasan daripada Yang Berhormat Menteri Undang-undang ketika mengemukakan Rang Undang-undang ini pada hari semalam. Antara lain perkataan yang tidak menyenangkan telinga saya mendengarnya, katanya, "I am happy to introduce this Bill at a time when women all over the world are celebrating this year as the Women's International Year."

Perkataan itu datang daripada seorang Menteri yang berugama Islam, tak sedap didengar kerana Hari Wanita yang sebenarnya ialah hari dalam mana ugama Islam dan Nabi Muhammad s.a.w. menentukan dan mengemaskin undang-undang perkahwinan manusia. Perempuan sebelum daripada itu dianggap sebagai binatang, sebagai barang yang boleh dijual-beli dalam pasaran, menjadi manusia yang tidak diakui hak sivilnya, hak politiknya dan lain-lain haknya. Ugama Islamlah yang mula-mula mengakui perempuan itu sebagai makluk Tuhan yang wajib dihormati dan diberikan penghargaan dan penghormatan. Sebelum daripada itu kita boleh baca sejarah bagaimana perempuan dilayan pada masa itu, dijual dalam pasar-pasar sebagai barang untuk kesenangan dan keseronokan laki-laki buas pada masa itu. Ada setengah kaum pula membunuh anak perempuan yang baru lahir kerana ia dianggap sebagai suatu makhluk yang najis, kalau kita pergi ke India misalnya sebelum daripada perkembangan Islam kita dapat bagaimana layanan kepada perempuan pada masa itu. Pendek kata, ke mana juga kita pergi dalam dunia di zaman jahiliah itu kita akan dapat bahawa perempuan itu tidak lebih dan tidak kurang sebagai benda yang boleh dijual-beli atau binatang kotor pada setengah anggapan kaum-kaum dan bangsa-bangsa pada ketika itu.

Suatu lagi kenyataan Yang Berhormat Menteri Undang-undang, "In the legislative landscape of our Parliament this will no doubt be viewed by our future generations as a law of historical importance and the writing of a new chapter in the annals of our progress towards social justice."

Pada saya perkataan dan ayat itu jika ditambah dengan perkataan "bahawa Rang Undang-undang ini akan dipandang oleh

jenerasi yang akan datang iaitu jenerasi yang bukan Muslim sebagai "progress toward social justice," barangkali ayat itu tidak begitu berat untuk diterima kerana kita sebagai umat Islam kita telah mendapat social justice sepanjang yang berkenaan dengan peraturan dan undang-undang nikah kahwin. Jadi bukan Undang-undang ini yang akan membawa kepada kita social justice as far as the Muslims are concerned. Perkataan itu patut ditambah "kepada orang-orang yang bukan Muslim."

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri Undang-undang bahawa sebuah Suruhanjaya Diraja telah dilantik untuk mengkaji perkara ini, kemudian Suruhanjaya Diraja itu telah bekerja bertungkus-lumus untuk menyediakan report dan draft Bill yang telah dibawa ke mari dan dirojokkan kepada Select Committee untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini. Dan Select Committee itu, saya tak tahu siapa yang menjadi ahli-ahlinya, tetapi setahu saya ialah Yang Berhormat Menteri Undang-undang sendiri menjadi Pengerusinya.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Yang Berhormat, dalam explanatory statement Pengerusi bagi Suruhanjaya Diraja itu ialah Tan Sri Ong Hock Thye.

**Tan Sri Syed Jaafar Albar:** Adakah dalam Select Committee itu terdapat ahli-ahli yang benar-benar memahami undang-undang Islam berkenaan soal perkahwinan itu? Banyak orang kita yang berugama Islam mengetahui, tetapi untuk mengetahui dengan sedalam-dalamnya barangkali kurang. Jadi waktu Select Committee itu membincangkan soal undang-undang ini patutlah didapatkan pandangan dan pendapat daripada orang-orang yang ahli dan pakar dalam undang-undang nikah kahwin dan cerai daripada ulama-ulama Islam supaya sesuatu Bill yang akan dibuat itu dapat dibuat dengan lebih kemas dan lebih memberikan kebijakan kepada masyarakat manusia dalam tanahair kita ini. Saya tidak hendak meminta dari-pada Kerajaan supaya membuat undang-undang nikah kahwin Islam itu sebagai undang-undang yang mestilah dipaksakan kepada orang-orang yang bukan Islam, tetapi biarlah saya katakan di sini bahawa Islam ada mempunyai dua jenis undang-undang secara kasarnya.

Pertama, ialah undang-undang Islam untuk mengatur dan menyusun hubungan manusia dengan Allah yang dikatakan undang-undang beribadat seperti sembahyang, puasa, menuaikan fardu haji dan undang-undang ini memang semata-mata untuk orang Islam dan kita tidak boleh paksa sebarang orang yang bukan Islam menerima kecuali dengan kesukaan dan kerelaan hatinya sendiri. Tetapi ada lagi satu jenis undang-undang dalam Islam yang sengaja dibuat untuk menyusun masyarakat manusia. Undang-undang yang dibuat untuk menyusun hubungan antara manusia dengan manusia, antara negara dengan negara, antara bangsa dengan bangsa. Salah satu daripada undang-undang ini ialah undang-undang nikah-kahwin. Undang-undang nikah-kahwin ini dibuat di dalam Islam ialah untuk menyusun hubungan antara dua makhluk Tuhan dan untuk menyusun kelahiran zuriat yang akan datang. Apalah salahnya kalau Select Committee itu mengambil fatwa daripada ulama-ulama Islam, bertanyakan bolehkah atau tidak undang-undang Islam itu dicopy dan diintroducekan di negara kita ini.

Sepatutnya fatwa seumpama ini didapatkan lebih dahulu. Kalau orang-orang keturunan China, India dan berbagai keturunan lain lagi sanggup menerima undang-undang Inggeris yang berdasarkan ajaran Christian (based on Christianity) kenapa orang-orang ini tidak sanggup menerima undang-undang Islam yang lebih adil. Kita tidaklah memaksa mereka supaya sembahyang lima waktu, memaksa menuaikan fardu haji dan berpuasa—tidak, tetapi undang-undang nikah-kahwin Islam untuk mengaturkan kehidupan manusia di dalam dunia ini. Orang-orang keturunan India dan China ada yang mematuhi undang-undang Inggeris, tetapi mereka bukan orang Inggeris dan bukan lahir di negeri Inggeris dan tabiat mereka bukan tabiat Inggeris. Dan ada di antaranya yang hidup di negeri Perancis, sanggup tunduk kepada undang-undang Perancis, kenapa bila datang ke mari tak mahu tunduk, bukan kepada orang Islam, tetapi kepada Tuhan yang menjadikan semua makhluk di alam semesta ini. Itu yang saya kurang faham, tetapi sebabnya tidak lain dan tidak bukan, Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana kita dalam dunia hari ini telah mendapat didikan daripada barat yang telah mengasuh siang-siang lagi

untuk menaruh prejudice atas apa jua yang dibawa oleh Islam walaupun cantik, walaupun baik, walaupun bagus. Saya tak ada apa-apa hendak kata melainkan memohon doa kepada Tuhan mudah-mudahan orang-orang yang bukan Islam akan melihat kebenaran pada satu hari dan bukan tunduk kepada orang Islam tetapi tunduk kepada Tuhan yang menjadikan mereka dan menurunkan peraturan yang menjamin keselamatan dan kebaikan manusia di atas muka bumi Allah ini.

Satu perkara dalam Undang-undang ini yang paling tidak menyenangkan ialah dia menafikan sama sekali dan dengan secara tidak langsung memburukkan sama sekali soal "Ta adud zau jat" ataupun berbilang isteri. Undang-undang ini bermati-matian mempertahankan monogamy, iaitu satu peraturan nikah-kahwin yang . . . .

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, what he meant was polygamy.

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** I beg your pardon.

**Dr Tan Chee Khoon:** Wakil dari Panti kata Undang-undang ini menahan monogamy. Undang-undang ini sebenarnya hendak menahan polygamy.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Sila teruskan!

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** Saya takut Ahli Yang Berhormat itu keliru, jadi biar saya betulkan barangkali kenyataan saya tidak jelas tadi.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Sila!

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** Saya kata bukan menahan—mempertahankan defending monogamy and indirectly condemning polygamy. Itu maksud ucapan saya.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** (*Kepada Dr Tan Chee Khoon*) Yang Berhormat faham? Sila teruskan!

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** Bukan kita menahan—tidak, mempertahankan lain dengan menahan. Kita beri dia lecture dalam Bahasa Malaysia sedikit untuk faedah kita semua (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, perkahwinan satu isteri ini telah menunjukkan banyak keburukannya di negara-negara yang mengamal-

kannya. Kita boleh pergi ke negeri-negeri barat yang mengamalkan monogamy maka kita akan mendapat berbagai-bagai kesulitan (problems) yang telah timbul akibat monogamy. Orang-orang Keristian dari mazhab Catholic pun terpaksa membuat perubahan-perubahan dalam peraturan nikah cerai bagi mengatasi masaalah-masaalah yang disebabkan oleh dasar monogamy. Mazhab Protestant pun terpaksa dalam soal ini mengambil aliran yang liberal bagi mengatasi kesulitan yang dilahirkan oleh monogamy. Ini perubahan pemikiran manusia di sana kerana undang-undang dibuat untuk menyusun kehidupan manusia dan masyarakat manusia. Jadi bila didapati satu peraturan tidak betul mestilah dibetulkan dan dibaiki untuk disesuaikan dengan masyarakat kita dan kepentingan manusia yang hidup dalam masyarakat itu. Saya lihat kebanyakan orang yang bukan Islam terlampau sangat prejudice berkenaan dengan soal polygamy ini. Sebut sahaja polygamy, tak usahkan orang yang bukan Islam, perempuan-perempuan kita yang Islam pun kadang-kadang tak seronok bila . . . .

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Yang Berhormat sekarang mempertahankan polygamy?

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** Ya.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Sila teruskan!

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** Ini memberi kelonggaran dan kemudahan kepada lelaki yang mempunyai kesanggupan untuk berbuat demikian. Pandangan prejudice terhadap polygamy, saya fikir tidak patut exist dalam kepala manusia yang waras sebab polygamy dalam Islam bukanlah satu kementerian atau wajib. Polygamy dalam Islam hanyalah satu kebenaran boleh diamalkan dan boleh ditinggalkan sama sekali, bukan tiap-tiap orang Islam mesti paksa kahwin 2-3-4—tidak. Ini kebenaran. Satu masa barangkali masyarakat kita terlampau banyak perempuan kerana lelaki pergi berperang dan banyak yang mati dalam peperangan, perempuan tak ada orang yang hendak bela, hendak pelihara dan hendak menjaga kepentingan mereka. Apa akan jadi kepada perempuan-perempuan yang tak dapat suami? Adakah hendak dibiarkan

mereka lepas bebas dan mencari kepuasan nafsunya di luar undang-undang? Ini akan merosakkan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang isteri itu jatuh sakit teruk, tak berguna lagi (*Ketawa*), in all respects.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Semua orang sudah faham hal itu, (*Ketawa*) tak payah dipanjangkan lagi.

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** Apa jadi? Adakah dari segi peri-kemanusian laki-laki itu menceraikan isteri yang sakit itu untuk hendak mencari isteri lain? Bukankah elok kita simpan isteri itu dan ambil yang lain, kita bela, kita pelihara dan kita jaga daripada dibuang sahaja. Inilah yang saya ingin hendak menjelaskan atas perkara ini kepada rakan-rakan kita dan sahabat-sahabat kita yang bukan Islam yang menaruh pandangan prejudice terhadap soal polygamy iaitu satu Undang-undang yang dibuat semata-mata untuk kepentingan manusia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengerti mengapa Undang-undang seumpama ini mesti dibuat dalam negara kita. Negara kita mengaku Islam ugama rasmi, tetapi satu undang-undang Islam yang boleh menyusun dan memperbaiki masyarakat manusia di tinggalkan dan sebaliknya diintroducekan Undang-undang ini kepada penduduk-penduduk negeri kita. Kalau sudah tidak mahu mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh ugama Islam kerana satu-satu sebab yang tertentu, saya fikir biarlah masing-masing kahwin mengikut ugama mereka. Orang China, orang Hindu, orang manapun kahwinlah mengikut ugama masing-masing, apa guna bawa Undang-undang ini. Pakailah ugama masing-masing kerana perkara ini telahpun berjalan lama dalam negeri ini.

Ini satu perkara yang amat besar akibatnya dan saya harap sebelum Rang Undang-undang ini menjadi satu Akta, Kerajaan eloklah memikirkan dan menimbangkan berkenaan dengan perlaksanaannya. Bagaimana saya katakan tadi polygamy dalam Islam bukanlah satu kemestian yang diwajibkan kita buat. Ini hanya satu kebenaran untuk sesuatu masyarakat atau keadaan yang berbangkit pada satu-satu ketika dan pada satu-satu saat.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara dalam Rang Undang-undang ini yang berlawanan dengan Ugama Islam dan ini memanglah tidak menghairankan kita sebab undang-undang ini telah dibuat bukan untuk orang Islam. Kalau kita ikut peraturan-peraturan Islam yang jauh lebih cantik sudah tentu tidak akan merosakkan ugama orang Hindu atau apa-apa ugama juga.

Sungguhpun ada Rang Undang-undang ini dibuat, tetapi masih banyak kecuali-kecualinya. Misalnya orang-orang Hindu masih dibenarkan berkahwin dengan emak atau anak saudaranya. Ini ialah kerana telah menjadi kelaziman kepada mereka. Jadi teranglah bahawa undang-undang ini masih sanggup memberikan pengecualian. Kalau hendak membuat undang-undang nikah-kahwin cubalah kita kaji undang-undang Islam. Cuba tiap-tiap seorang memikirkannya. Ini tidak bererti akan mengislamkan orang yang bukan Islam.

Lagi satu yang saya kurang faham, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini ialah Fasal 3 (3) yang berbunyi. "Akta ini tidak boleh dipakai bagi orang Islam atau bagi seseorang yang berkahwin di bawah Hukum Syarak; . . . ." apakah maksud perkataan ini? Jadi, di sini orang Islam tidak boleh pakai atau orang yang kahwin di bawah Hukum Syarak tidak boleh pakai. Siapa yang bukan Islam yang kahwin di bawah Hukum Syarak ini? Siapa dia? Itu yang tidak jelas. "Akta ini tidak boleh dipakai bagi orang Islam . . ." O.K. fair enough. ". . ." atau bagi seseorang yang berkahwin di bawah Hukum Syarak . . ." Adakah perkataan ini menafsirkan orang Islam yang berkahwin di bawah Hukum Syarak atau ini orang lain yang bukan Islam yang kahwin di bawah Hukum Syarak.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Sabar dahulu. Perkara ini boleh minta penerangan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** Minta penerangan, Tuan Yang di-Pertua. Itu satu dari padanya. Banyak lagi kalau hendak pergi satu persatu.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Banyakkah yang tak faham?

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan ahli undang-undang tetapi draf undang-undang ini, pada pandangan saya kelam-kabut. Saya minta Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara supaya memerhatikan Bahagian II Fasal 5 (1) dan (2). Tidakkah boleh Fasal 5 (1) dan (2) itu disatukan. Sebab pada pandangan saya perkara dalam Fasal 5 (1) dan (2) itu berulang-ulang dan menjadikan orang lebih kelam-kabut untuk memahaminya.

Lagi satu Fasal 5 (4) dalam Bahagian II yang berbunyi: "Selepas tarikh yang ditetapkan, tiada sesuatu perkahwinan di bawah sesuatu undang-undang, ugama, adat atau keleziman boleh diupacarkan kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam Bahagian III."

Di atas tadi telah disebutkan boleh jadi Fasal 5 (4) ini berlawanan dengan yang diatas.

Lagi satu yang saya kurang faham, Tuan Yang di-Pertua, ialah Fasal 6 (2) yang berbunyi:

"Jika seseorang lelaki yang telah berkahwin dengan sah di bawah sesuatu undang-undang, ugama, adat atau keleziman berkahwin dalam masa berterusnya perkahwinan itu dengan seseorang perempuan, maka perempuan itu tidaklah mempunyai apa-apa hak . . . ." lagi teruk.

" . . . untuk mewarisi atau mempusakai harta lelaki itu . . ." Setelah kawan itu dipakai teruk-teruk bila kawan itu mati tidak mendapat apa-apa. ". . . apa-apa hak untuk mewarisi atau mempusakai harta lelaki itu apabila ia mati tak berwasiat."

Kalau dia berwasiat baguslah, nasib baik perempuan itu, kalau dia tidak berwasiat—aniaya. Dia telah digunakan, dipakai menyeronokkan lelaki yang buas itu ataupun dengan apa-apa sebab, tiba-tiba apabila laki mati dia tidak dapat apa-apa kalau lelaki itu tak berwasiat. Ini satu yang saya kurang faham. Ini tidakkah satu penganiayaan? Pada hal perkahwinan ini berlaku dalam masa sebelum Undang-undang ini berkuatkuasa. Kita telah mengatakan bahawa semua perkahwinan yang berlaku sebelum Rang Undang-undang ini dijalankan diakui sah. Tiba-tiba bila datang masaalah mem-

pusakai, perkahwinan itu tidak diakui sah. Kalau diakui sah mestilah dia berhak atas suaminya dan harta suaminya.

Yang saya ingin hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Undang-undang berkenaan dengan anak-anak perempuan itu kalau dia ada anak. Tak tulah kalau termasuk (cover) di lain tempat dalam undang-undang yang lain, saya kurang mengerti, fasal saya bukan ahlinya, tetapi pertanyaan-pertanyaan ini yang datang daripada seorang biasa yang membaca Rang Undang-undang ini. Apa jadi anak-anak perempuan ini. Apa haknya. Adakah mereka akan terlantar kerana bapa mereka telah mati? Semua persoalan-persoalan ini patut dijawab dan diberi penjelasan. Jadi bukan sahaja isteri yang teraniaya tetapi anak-anaknya juga, kerana tidak disebutkan. Jikalau ada di dalam lain-lain undang-undang ada disebutkan bahawa anak-anak itu berhak menerima pesaka bapanya, itu tidak apalah—well and good. Tak aninya budak-budak itu bertempiaran. Tetapi kalau tidak ada maka beginilah penganiayaan manusia terhadap manusia yang lain.

Dalam Bahagian III Fasal 10 . . . .

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Ahli Yang Berhormat, sila duduk. Saya tarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 53 (3) yang berbunyi:

"Apabila sampai kepada perkara membacakan Rang Undang-undang kali yang kedua dalam Aturan Urusan Mesyuarat maka suatu usul "Iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang", akan dikeluarkan dan bolehlah diadakan perbahasan meliputi asas dan buruk-baiknya Rang Undang-undang itu pada amnya."

Itu saya cuma tarik perhatian Yang Berhormat.

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, inilah baik buruknya Rang Undang-undang ini pada amnya.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Pada amnya. Sila teruskan.

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** Kalau seorang mati tinggalkan isteri yang kedua tidak mendapat hak, itu bukan burukkah, Tuan Yang

di-Pertua? Dan anak-anaknya tidak mendapat apa-apa atau tidak disebutkan di sini. Lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak membahaskan secara detail dan mengubah perkataan-perkataan dalam Rang Undang-undang ini, tetapi asas-asas pokok di dalam tiap-tiap clause yang ada di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III menyatakan:

"10. Sesuatu perkahwinan yang berupa sebagai diupacarakan dalam Malaysia adalah taksah jika pada tarikh perkahwinan itu salah satu pihak berumur di bawah lapan belas tahun melainkan jika, berkenaan dengan seseorang perempuan yang telah genap umur enam belas tahun, pengupacaraan perkahwinan itu telah dibenarkan dengan suatu lesen yang diberi oleh Ketua Menteri di bawah seksyen 21 (2)."

Di sini ada dua kemusikan saya, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, menghadkan umur itu tidak boleh di bawah 18 tahun. Bagi perempuan kalau dia berumur 16 tahun boleh berkahwin tetapi dengan izin dan lesen kebenaran daripada Ketua Menteri atau Menteri Besar. Berkenaan dengan umur ini pun saya fikir di negeri-negeri Timur yang panas ini kita lebih lekas dewasa dan matang daripada orang-orang yang hidup di negeri yang mempunyai hawa dingin dan sejuk—temperamentnya kurang. Orang-orang kita banyak berkahwin terlambau muda. Barang kali elok juga dikawal berkenaan dengan umur ini, kerana kita hendak menjamin bahawa seorang isteri atau suami itu sudah menjadi dewasa dan manusia yang boleh mentadbirkan rumah-tangga, tetapi kalau kita rigid berkenaan dengan perkara ini, maka akan berlaku perzinan yang maha hebat, kerana anak-anak kita di sekolah-sekolah berumur 14-15 tahun masing-masing sudah ada mempunyai girl-friend, boy-friend. Jadi kalau hendak menghadkan hubungan itu dengan mengadakan Undang-undang yang macam ini, itu maknanya menggalakkan perzinan dan hubungan yang tidak sah dalam negara kita ini. Janganlah kita terikut-ikut negeri Barat, di negeri Barat sejuk almost three quater of the year is cold. They cannot even move; buat apa pun tidak seronok bagi mereka dalam iklim (cl'mate) yang begitu sejuk tetapi di sini temperamentnya lain. Saya fikir eloklah perkara umur ini ditimbangkan semula.

Kemudian dalam Seksyen 10 kebenaran itu mesti datang . . . . .

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Ahli Yang Berhormat, saya harap dapat memberi kerjasama supaya patuh pada Peraturan Mesyuarat yang mengatakan dalam bahasa Inggeris: "debate of the Bill at this stage, may arise covering the general merits and principle of the Bill."

Yang Berhormat banyak menyebutkan seksyen-seksyen, harap patuh pada Peraturan Mesyuarat.

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, fasal . . . .

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Covering the general merits and principle of the Bill.

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** Principle Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, pada fahaman saya bila sampai kepada Committee Stage tidak ada banyak peluang kita boleh bercakap lagi. Tetapi ini . . . .

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Sila teruskan dan cuba patuh pada peraturan.

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** Terima kasih. Saya sentiasa patuh pada peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik perhatian kepada beberapa perkara yang saya nampak sekali imbas membaca Undang-undang ini, saya belum menyemak dengan teliti lagi. Satu perkara dalam Undang-undang ini iaitu Seksyen 11 (4) yang berlawanan dengan hukum Islam kalau saya tidak salah iaitu:

"(4) Tiada seseorang boleh berkahwin dengan seseorang yang telah diambil olehnya sebagai anak angkat atau yang telah mengambilnya sebagai anak angkat."

Di sini saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang supaya memberi penjelasan atas Seksyen 16 (1) (d):

"(d) bahawa tiada seseorang pun daripada pihak-pihak kepada perkahwinan yang dicadangkan itu telah berkahwin di bawah sesuatu undang-undang, ugama, adat atau kelaziman dengan seseorang yang lain dari pada orang yang dengannya ia bercadang hendak kahwin itu."

Jadi ini tidaklah bererti bahawa janda lelaki atau perempuan itu tidak boleh berkahwin lagi selepas bercerai dengan pasangannya yang mula-mula. Tidakkah clause ini memberi erti yang seumpama itu.

Seksyen 17 Bahagian III juga menyatakan:

"17. Pendaftar, apabila berpuashati bahawa akuan itu adalah menepati kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam seksyen 16, hendaklah pada bila-bila masa selepas tamat dua puluh satu hari dari tarikh pemberitahu itu disiarkan di bawah seksyen 15 dan apabila bayaran yang ditetapkan dibayar kepadaanya, mengeluarkan perakuannya untuk perkahwinan dalam borang yang ditetapkan."

Ini tidakkah menyusahkan orang yang hendak kahwin itu kena tunggu 15 hari, dia sudah tunggu beberapa tahun, cuma hendak mengesahkan berkahwin dia kena tunggu surat perakuuan—seksyen 17 Bahagian III. Dia kena tunggu 15 hari sementara benda itu hendak keluar (*Ketawa*). Ini yang menyusahkan orang yang hendak kahwin. Orang yang hendak kahwin dia berkehendak sangat, dia tidak mahu hendak tunggu lagi, why are you putting all these conditions, kenapa. Ini satu asas yang penting kerana perkahwinan ini satu perkara yang mustahak bagi kedua jenis manusia lelaki dan perempuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga kurang faham Seksyen 18 yang berbunyi:

"18. Tertaluk kepada seksyen 20, jika perkahwinan itu tidak berlaku dalam masa enam bulan selepas tarikh pemberitahu itu disiarkan, maka pemberitahu dan segala perbuatan berikut dengannya adalah terbalik dan pemberitahu yang baharu hendaklah diberi sebelum pihak-pihak itu boleh berkahwin dengan sah."

Ini saya kurang mengerti dan faham mengapa orang ini kena tunggu sampai 6 bulan, apa yang dia tunggu, kalau dia sudah mengeluarkan perakuuan dan sebagainya. Ini juga kurang jelas.

Dalam seksyen 19 (1) Bahagian III juga, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu samada terjemahannya betul atau tidak dalam bahasa Inggeris, kerana pada fahaman saya dalam bahasa Melayu saya bacakan:

"19. (1) Seseorang boleh, apabila membayar bayaran yang ditetapkan, menyerahkan suatu kaveat kepada Pendaftar menen-

tang pengeluaran suatu perakuuan untuk perkahwinan bagi seseorang yang dinamakan dalam kaveat itu . . . ."

Di sini pada pengertian saya, "seseorang boleh apabila membayar".

Jadi, saya kurang faham di dalam Seksyen ini dan seseorang itu boleh membantah perkahwinan itu untuk hendak diregisterkan. Ini barangkali untuk hendak tackle masaalah-masaalah orang-orang yang bawa lari anak orang untuk hendak kahwin secara mencuri.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Ahli Yang Berhormat, saya lagi sekali berharap dapat kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat dalam ucapan pada peringkat ini minta tujuan kepada principle sahaja kerana masa dalam Jawatankuasa bila sampai kepada satu-satu seksyen itu, Yang Berhormat ada peluang lagi memberi pandangan dan mengemukakan pertanyaan. Saya harap dapat kerjasama.

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, tetapi elok juga kalau Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya memberikan bayangan sedikit sebanyak supaya Yang Berhormat Menteri boleh bersiap daripada sekarang. Besok dia kena sergha dalam masa Jawatankuasa, dia tidak boleh menjawab, teruk juga dibuatnya. Jadi very embarrassing. I think I am going to help the Minister and the Government to prepare themselves . . . .

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Saya harap itu bukan sebagai excuse kerana tidak mahu mengikut Peraturan Mesyuarat.

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** Tidak, saya tidak jadikan itu excuse tetapi saya percaya perkara yang saya bangkitkan itu adalah perkara-perkara asas dan dasar.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, dalam Seksyen 25, iaitu keputusan hakim tidak boleh dirayu lagi.

Jadi, dalam lain-lain kes banyak peringkat-peringkat diberi kepada seseorang yang membuat kesalahan untuk merayu daripada satu mahkamah kesatu mahkamah untuk memberi keadilan yang sepenuhnya kepada seseorang yang terlibat. Dalam perkara ini orang ini tidak bersalah tetapi dia tidak ada hak membuat rayuan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak bincangkan satu persatu dalam Bab 3 dan Bab-bab yang berikutnya, barangkali saya akan mengambil masa Dewan ini seorang sahaja. Tetapi dengan masaalah-masaalah pokok yang saya hendak katakan dan menarik perhatian Kerajaan dan juga Ahli-ahli Dewan ini, khasnya saudara-saudara dan sahabat-sahabat kita yang bukan Islam kenapa kita tidak cuba menanya mufti-mufti dan alim-ulamak kita, samada boleh atau tidak undang-undang Islam berkenaan dengan nikah kahwin ini diintroducekan kepada negara ini sebagai satu undang-undang dan peraturan sepanjang yang berkenaan dengan nikah kahwin, bukan untuk hendak memaksa saudara-saudara dan sahabat-sahabat kita untuk sembahyang macam orang Islam, tidak payah pergi ke temple-temple atau gereja-gereja, tidak. Undang-undang ini semata-mata untuk hendak mengatur kehidupan kita di dalam dunia ini dan dalam masyarakat kita. Kalau kita boleh dapat peraturan itu samada dalam Islam atau dalam mana-mana juga yang baik untuk masyarakat. Kita tidak boleh fanatik, tidak mahu terima kerana perkara itu datang dari Islam atau datang dari mana-mana. After all, undang-undang dalam negara kita ini banyak copy, banyak meniru dan banyak menyalin daripada lain-lain negeri seperti dalam Rancangan Pembangunan dan lain-lain. Kalau itu boleh, kenapa untuk hendak menjamin rukun kedamaian rumah-tangga dan kehidupan berkeluarga dalam negara kita ini, kita tidak cuba mengkaji dan menyemak undang-undang Islam untuk hendak dipakai dalam negeri kita.

Di sini saya sekali lagi hendak memberitahu sahabat-sahabat dan kawan-kawan kita yang bukan Islam, poligami tidak menjadi satu bahaya terhadap perempuan, kerana poligami bukanlah satu undang-undang yang mesti kita laksanakan, tetapi ini hanyalah satu kebenaran, satu keharusan yang diberi oleh Ugama Islam kita untuk menghadapi sesuatu keadaan yang berbangkit dalam sesuatu ketika yang tertentu.

4.55 ptg.

**Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk memberi pandangan saya terhadap Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Penceraihan, 1975,

iaitu suatu Akta yang membolehkan perkahwinan monogami serta menjalankan istiadat dan pendaftaran perkahwinan semacam itu terhadap pemindaan dan penyatuhan undang-undang yang berkaitan dengan perceraian dan perkara-perkara yang melibatkan perbelanjaannya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, perkahwinan sebagaimana yang disebut oleh datuk-nenek kita adalah perkara yang ditentukan di dalam syurga. Perkahwinan lelaki dan perempuan tanpa mengira ugama, warna kulit dan bangsa di bawah Akta ini akan mendatangkan rahmat daripada Tuhan. Pada zaman yang silam perkahwinan dianggap sebagai satu perkara yang amat suci. Kehidupan berumah tangga bermula dengan perkenalan dalam zaman itu. Banyak lelaki dan perempuan tidak langsung mengenali siapakah bakal pasangan hidup mereka dan bagaimakah penghidupan baharu mereka dilaksanakan dengan tindakan perkahwinan itu boleh membuat mereka hidup lama.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi peraturan undang-undang yang tidak diketahui yang disematkan dalam ingatan orang-orang zaman dahulu bahawa setiap lelaki hendaklah mempunyai seorang isteri, tetapi tidak lebih daripada seorang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris di samping berucap dalam Bahasa Malaysia.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, not very long ago it was the practice of women in some parts of the world to follow their husbands even in death. The woman of those days considered herself as wife for only one man, and she felt that her whole life was vested with her husband's and so she died together with her husband. Later on, society realised the seriousness in voluntarily killing one's life because nature had taken away the life of the other. In the modern world today, Tuan Yang di-Pertua, this practice has completely vanished. Man and woman are free to know each other and marriages are made as a ceremony of consolation. Marriage was once considered as sacred and decided in heaven, but today it is defined as a contract between two parties which will exist as long as the parties concerned are happy in the performance of the contract. Tuan Yang di-Pertua, since it is classified as a contract, it also encounters problems like contracts.

Divorce was once considered a sin, but today since marriage is considered a contract, therefore a law for divorce is necessary to nullify the contract.

Tuan Yang di-Pertua, I must congratulate the Government and the Honourable Minister of Law and Attorney-General for having taken steps to introduce this Bill which embodies the various sections to establish an effective practice of marriage for non-Muslims. From the expressions of Clause 3, it is clearly noted that this Bill will only be applicable to non-Muslims.

Tuan Yang di-Pertua, sukcitalah saya menyatakan bahawa Seksyen 4 (1), (2) dan (3) akan mula dikuatkuasakan untuk menegaskan perkahwinan yang diupacarkan di bawah sesuatu undang-undang ugama, adat atau kelaziman sebelum daripada tarikh yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan ini akan menerangkan beribu-ribu orang yang telah berkahwin terutama sekali di kalangan yang berugama Hindu, Keristian dan orang-orang yang bukan Muslim.

Fasal 3 di dalam seksyen yang sama telah juga menyatakan bahawa perkahwinan-perkahwinan itu boleh dibubarkan yang mana saya percaya akan mengandungi sebahagian rahsia perkahwinan.

Tuan Yang di-Pertua, Part II of the Bill is very interesting. It is in regard to monogamous marriage and it disables anyone from contracting another marriage during the continuance of an existing marriage. I am sure this will safeguard the interests of all our women folks. Sir, during the last two decades, polygamy has become an epidemic in society, I should say. Thousands of families were destroyed due to polygamy. Many families were separated and the number of divorce cases has increased and many are still in court pending a decision. Sir, some men who always think that they are immune to such laws and always feel it is a pleasure to go into the polygamous world but at the same time, Tuan Yang di-Pertua, they expect complete loyalty from their wives. Men and women are created by God and therefore why should Adam always have an overriding influence on Eve when they are all the same. This part, I am sure, will put a stop to polygamous marriage among the non-

Muslims. I am glad to note that Section 6 (1) nullifies any marriages contracted in contravention of Section 5.

Section 6 (2) is another important part in this Bill which denies the right of succession or inheritance to a woman on the death of a male person who had union with such a woman during the continuance of his marriage. Tuan Yang di-Pertua, there is a proverb which says "money makes many things". The possession of money made many men to think of more than one wife. *Vice versa*, this law is a warning to women who go netting for wealthy married men with the intention of right of succession or inheritance. I am glad to note that those who contravene Section 5 will be properly dealt with under Section 494 of the Penal Code.

Tuan Yang di-Pertua, my next observation is on Part III of the Bill i.e., restriction on marriages. Section 10 stipulates the rightful age for marriage and it also provides remedy for marriage of a girl under the age of 18, provided such a marriage is approved by the Chief Minister. Sir, it has been a practice among the Hindus to marry even at the age of 10. I have come across a husband and wife who are just 16 and 10. I am sure the introduction of the age limit in this Bill will at least make the bride and bridegroom to understand what is marriage, how their future is entrenched with each other and what they have to do after the marriage.

Tuan Yang di-Pertua, I am thankful to the Government for the special exemption in Section 11 (1) paragraph 2, especially for the Hindus. Sir, it has become a tradition and practice for many generations for a Hindu to marry his sister's daughter in accordance with the Hindu law. I am glad to note that our Government is very generous enough to exempt the prohibition of relationship provided for under Section 11 (1).

Sir, Section 12 requires to obtain consent in writing from any one of the parent or guardian. This is appreciable. In this modern world the many who would like to marry without the knowledge of their parents influenced by temporary emotions will now have to go through the proper course of action.

Tuan Yang di-Pertua, I will refer to Section 13 in which the Government is very considerate enough to exempt Section 14 to

20 for marriages solemnised in accordance with Section 24 of this Act. In this Section, especially in Section 24, it does not stipulate or recognise any other form of marriages conducted by a Hindu and I would like to mention here specifically that some serious omission has taken place. Among the Hindus there still exist two more types of marriages except for the religious marriage. These marriages are named as reformed marriages "or Tamil Marriage" according to an Act introduced in a country which is just 1,500 miles away from us. This Act, I should say, Tuan Yang di-Pertua, is called "Act No. 21 of 1967" passed by the Madras Legislature in India where four million Hindus live. That Act says, Tuan Yang di-Pertua "An Act further to amend the Hindu Marriages Act of 1955 and its application to the State of Madras". "Whereas it is necessary to render a valid 'Suyamariyathai' or 'Seerthirutha' marriage"—"Suyamariyathai" means reformed and self-respected marriages as we call it. Under Section 8 of that Bill,

"Marriages between any two Hindus whether called "Suyamariyathai" marriage or 'Seerthirutha' by any other name, solemnised in the presence of relatives, friends or other persons (a) by each parties to the marriage declaring in any language understood by the parties that each takes the other to be his wife or, as the case may be, her husband or (b) by each party to the marriage garlanding the other or putting a ring upon the finger of the other or by tying the 'THALI'".

Hindu marriage law says that "thali" is a symbol to show that a girl is married. So, these are the representation, Tuan Yang di-Pertua. This marriage is very popular among the Tamils of Dravidian origin. The Malaysian Dravidians Association is one Association which has existed for the last 50 years in this country, registered by our Registrar of Societies, and it has conducted more than 3,000 marriages, not one or two but 3,000 marriages which are called "reformed marriages".

Tuan Yang di-Pertua, you will be wondering to know what is the difference between a "reformed marriage" and a Hindu marriage. A Hindu marriage is conducted with full ceremonial rites. A "reformed marriage" has got no religious significance; it has pure cultural significance. If I am in

love with a girl and if the parents agree and I agree we go to a public body, an association and we say we want to get married, provided we are within the age group. If the parents agree it is just like any other marriage. The president or another official of the society comes and conducts such marriages according to the cultural rites that have been existing within the Hindus for many, many generations. Tuan Yang di-Pertua, there is also one more Association which conducts such marriages, the Tamil Youth Bell Club, and some other cultural organisations. With the enactment of this Act, such marriages are not considered and I am sure this Bill, after taking effect, will affect such marriages when they are conducted. I request the Honourable Minister and Attorney-General to kindly consider a provision for this for the Indian cultural societies, especially the Malaysian Dravidians Association and the Tamil Youth Bell Club and any other societies to perform such marriages that exist among the Indians that can be called shortly in English "reformed marriages" or "Tamil marriages" for the Hindus.

Sir, most Hindu marriages in our country are solemnised in temples. This will ease the difficulties for people in rural areas, especially with such marriages. I am sure the Government will understand the lack of facilities in rural areas and consider this provision very carefully.

Tuan Yang di-Pertua, perhatian saya seterusnya adalah terhadap Seksyen 20 di mana ianya memberikan caveat kepada mana-mana pihak yang kecuali untuk menyekat pengeluaran perakuan perkahwinan, sekiranya tiada berpuas hati. Peruntukan caveat ini amatlah perlu kerana kadangkala perkahwinan dipaksa ke atas orang-orang muda dan dijalankan tanpa kemauan satu pihak atau satu pihak yang lain dalam masa yang sama, sebarang caveat yang disahkan semata-mata atas sebab-sebab cemburu maka tindakan akan diambil di dalam Seksyen 20 (7).

Tuan Yang di-Pertua, rujukan saya yang lain dibuat ke atas Akta mengenai Seksyen 24 di mana peruntukan diberikan kepada Yang Berhormat Menteri melantik seorang paderi atau Menteri atau priest bagi sebuah gereja serta rumah berhala sebagai Penolong

Pendaftar bagi sesuatu daerah perkahwinan, mengupacarkan perkahwinan sekiranya ia dapat mematuhi Seksyen 22 seksyen-kecil 3.

Tuan Yang di-Pertua, I have to refer to Hindu marriages, for example, which are solemnised in accordance with the Hindu laws in a temple. Observing seriously this Section, it states that the "Minister shall appoint", but it does not lay out procedures for the appointments of Assistant Registrars. If on the day or the day thereafter of the appointed date a marriage which is fixed before the coming into force of this Act is solemnised, it shall become unlawful as it was not solemnised by an appointed Assistant Registrar. Therefore, Tuan Yang di-Pertua, for an Assistant Registrar to solemnise marriages on the appointed date or a day thereafter, he should have been appointed as an Assistant Registrar earlier. Some provisions must be made to appoint them before the appointed date or before the law takes effect.

Tuan Yang di-Pertua, this Act empowers the Minister to appoint such number of Assistant Registrars only after it takes effect, but it is my question here as to what is going to happen to a marriage fixed in the interim period, i.e. after the appointed date and the date of appointment of the Registrar by the Minister. If it is a Hindu marriage, the Hindu custom does not allow any postponement, Tuan Yang di-Pertua. Any marriage that is postponed and held later is considered as a bad omen and it will be against the wishes of superstitious Hindus. Therefore, Tuan Yang di-Pertua, I feel it is necessary that the Minister should appoint Assistant Registrars before the appointment date takes effect.

Tuan Yang di-Pertua, Hindu marriages, as you know, are held in temples and there are over a thousand temples in this country. In every temple the priest solemnises the marriage at the moment. There are very few temples, which do not conduct marriages in this country. A temple means it is a public place where you can get married. You can be sure that you can just enter a temple with just two garlands and a small tali made of half a sovereign of gold and if your parents agree, you just go in front of the priest and you give him \$15 for the fee (that includes everything) and you can get yourself married. But if this Act comes into effect, Tuan Yang

di-Pertua, no priest will be daring enough to conduct the marriage; otherwise he will be behind the bars. Registration has to take effect and he has to be registered as an Assistant Registrar by the Minister. I am sure, Tuan Yang di-Pertua, that every temple would like to have one or two appointed Assistant Registrars. One can realise what a work-load and time that would be consumed in appointing 1,000 of them by the Minister himself. I am sure, Tuan Yang di-Pertua, that the work-load may increase and would create considerable delay in the appointments. Therefore, I feel it is necessary that the public must be notified in advance to file in their applications for such appointments.

Tuan Yang di-Pertua, Section 33 provides for voluntary registration of marriages held before the Act comes into effect without undergoing much difficulties. Sir, I feel that this Section will favour thousands of those who married in the past in the same manner as is specified in Section 24 of this Bill. Many who have not registered their marriages have to undergo a considerable amount of problems, Tuan Yang di-Pertua, after the death of one party. For instance, Tuan Yang di-Pertua, when a husband is dead, if the wife is the nominee for the Employees' Provident Fund, one would realise that rather than taking her money it is better to keep at home quietly. It is so difficult to get the Employees' Provident Fund when the husband is dead. You have to produce the Death Certificate and when the Death Certificate is produced, they will ask you. "Where is your Marriage Certificate?" When the Marriage Certificate is produced, they will even ask you, "Are you sure that you are the wife of so-and-so?" These are the questions asked. There is no limit to questions. Tuan Yang di-Pertua, after losing their husbands, having mental agony, they have to experience second mental agony from the Employees' Provident Fund. I think this Act is going to put a stop to that. I am sure that with the provision of this Section, Tuan Yang di-Pertua, many will immediately register their marriages voluntarily and apply for their certificates of marriage.

Tuan Yang di-Pertua, next I come to Section 37 which deals with interference with marriages. A marriage is an act which combines a man and a woman to live

together as partners for life. Goodwill that exists between the partners is reciprocal. A man or woman must be given the mandate to choose a partner of his or her choice. Any marriage which is conducted without the willing consent of both parties will also lead to destruction and will create mental agony to last life-long. If a marriage is forced on anyone, Tuan Yang di-Pertua, it does not last long and the ultimate end is a divorce. Every man and woman must be given an opportunity to know and understand the behaviours and movements of one another before the marriage, and I think this Section of the Bill provides for that or indirectly requests for that. It is a simple term to express "give-and-take" which is a policy that should be adopted in order to have a successful family life. If one party is kind enough to give and not permitted to take, this is where misunderstandings are created, Tuan Yang di-Pertua. This happens in marriages where a person is compelled to marry against his or her wish. I wish to express my appreciation for this Section which gives relief to those who are forced into marrying anyone and I am sure, knowing fully well of the penalties imposed in this Section of the Bill, no one will be daring enough to commit an offence, i.e. to force anyone to get married against his wish or her wish.

Tuan Yang di-Pertua, my next observation is on Section 39 (1) and (2) which deal on "False allegation in caveat". The penalties stipulated in this Section is another good move—on false allegation in caveat. This would avoid jealous and false caveat being entered into. This Section also stands as a warning to those who want to seek a remedy under this Section unnecessarily.

Tuan Yang di-Pertua, now I will come to Part VI of the Bill on Divorce—I say the word against my will. Sir, as I have stated earlier, marriages are decided in heaven. In the early days men and women adopted it as a rule that marriage was held only once in a life-time, separation was only by death and nothing else. Legal separation is not practicable for a Hindu, Tuan Yang di-Pertua. Separation in a family is considered as a sin and only by an act of God and on the death of either one of the party can separation arises, but today, Tuan Yang di-Pertua, divorce acts as a law to nullify a

marriage. Sir, in the modern language a marriage is defined as a contract between two parties, a contract which can be entered into and which can also be dissolved as and when it displeases them. So, in the modern term, we call it a "divorce". It is my considered view, Tuan Yang di-Pertua, that since a marriage is defined as a contract, it does not even last as long as a building contract lasts—some building contracts last even for three years or four years but some marriages do not even last for three months. That is why I have to give this definition.

Tuan Yang di-Pertua, I am in complete agreement with this provision of Section 55 which gives thought for reconciliation between the aggrieved party. This is one very appreciable and a very kind part of the Bill, Tuan Yang di-Pertua, where at least the man and woman, if they make a mistake—we are not Gods; we are human beings who are bound to make mistakes—are at least given the opportunity to understand each other, to analyse their mistakes between the parties and to reconcile if there is a possibility and I think this part of the Bill is the best. This is one of the best Sections in Part VI of the Bill, Tuan Yang di-Pertua. It has humanity and expresses the way to mediate in misunderstandings, which is of course not unusual, between a husband and a wife. It is also said that, if you do not quarrel with your wife, you do not enjoy." (*Ketawa*) Life is something that develops quarrel, then re-union again. Quarrel and re-union again are the pleasures of married life.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Itu saya tidak berapa faham Ahli Yang Berhormat. Sila teruskan.

**Tuan S. Samy Vellu:** That is why I have expressed, Tuan Yang di-Pertua, that if you do not quarrel and you do not re-union again, the husband won't understand how great his wife is and the wife would not understand how great her husband is. It is only during that little period of separation between them that they learn to understand each other. The Section provides recourse to the assistance and advice of such persons or bodies as may be made available for the purpose of effecting a reconciliation. But in

case if both parties are adamant in getting a divorce, then there is no alternative, Tuan Yang di-Pertua.

Clause 48 prohibits the Court to make any decree of divorce for marriage not registered under this Act. I feel this Clause would encourage those who have not registered their marriages to register soon.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 49 pada umumnya memberikan bidang kuasa tambahan dalam perbicaraan yang dibawa oleh seorang isteri. Adalah berpatutnya seorang suami meninggalkan langsung si isteri dan isteri itu akan meminta diceraikan. Tetapi dalam keadaan suami yang dibuangkan negeri (deport) kerana dihukum ianya dipaksa oleh undang-undang meninggalkan negeri. Pada hal dalam kehidupan berkeluarga mungkin ia seorang suami yang amat mengasihani isterinya. Perpisahan yang dibuat secara bersengaja itu sepatutnya tidak akan berkehendakkan perpaduan semua keluarga. Dengan demikian, suakah saya mencadangkan supaya isteri hendaklah digalakkan mengikut suaminya sekiranya dapat dibuktikan bahawa suami tidak sanggup menerima si isteri hendaklah mencari pertolongan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, bertimbang balik undang-undang itu tiada memberikan bidang kuasa tambahan dalam kisah yang melibatkan seorang suami. Saya telah mengetahui banyak kisah-kisah isteri dengan segaja meninggalkan langsung suami dan berpindah ke rumah-rumah ibubapanya.

Tuan Yang di-Pertua, this Act provides that if the husband is deported, the wife could apply for a divorce. But, Tuan Yang di-Pertua, there are hundreds of cases where the wives had just left their husbands and gone back to their parents. What are we going to do in such cases? This Bill does not provide any remedy for such cases, Tuan Yang di-Pertua. In the newspapers nowadays, you can see advertisements, such as "My wife is missing from my house from this date to this date. If anyone finds her, kindly inform me the whereabouts of my wife and I will give him \$25 for such an act."

Tuan Yang di-Pertua, this is becoming very usual especially in the rural areas. After marriage—3 months, 4 months later if the husband says anything against the wife, she just goes away and that is the end of their

relationship. When the husband goes to bring his wife back, sometimes he gets hit and sometimes he has to run for his life from the father-in-law or mother-in-law's house. All these things happen. So, I think, Tuan Yang di-Pertua, a provision should have been made to cover such cases in the Bill. If the wife leaves the husband without giving any reason and stays away from him for such and such period, then the husband should have the legal remedy or recourse to ask for a divorce. When a husband is deported from the country, Tuan Yang di-Pertua, this Bill says that the wife can ask for a divorce. But what happens if the wife and the husband are really in love and that they cannot separate—nature can never separate them and law can never separate them—what is going to happen? She will still remain here while her husband has to be deported. The only thing the Government could do is to advise her to follow her husband. I do not know whether the law permits any citizen to be advised to go out of the country. That I think the Honourable Minister can check.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, Seksyen 50 (1) menyekat petisyen perceraian sebelum tamat tempoh dua tahun dari tarikh perkahwinan. Saya fikir ini patut kerana dalam tempoh dua tahun itu suami dan isteri akan dapat memahami keadaan semula jadi dan tingkah laku masing-masing.

